

**Jilid III
Bil. 36**



**Hari Khamis
31hb Oktober, 1985**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5877]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 5920]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 5921]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN; P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN
MUSTAFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 31hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman.

(Soalan No. 1 Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman tidak hadir).

LEMBAGA PADI DAN
BERAS NEGARA—
POTONGAN PEMBELIAN

2. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan menyedari terdapat para petani yang kurang berpuashati terhadap tindakan pihak Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang mengenakan kadar potongan pembelian begitu tinggi ke atas hasil padi mereka sehingga menjejaskan sedikit sebanyak hasil pendapatan mereka; dan
- (b) apakah sebab-sebab yang memaksa pihak Lembaga Padi dan Beras Negara mengenakan kadar potongan pembelian yang begitu rupa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar adanya petani yang kurang berpuashati mengenai potongan berat yang dibuat oleh LPN di dalam urusan padi. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa kadar potongan yang dikenakan adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga tawaran padi yang ditetapkan oleh LPN adalah padi yang baik, bersih, cukup masak dan kering (wap basah tidak melebihi 14%) dan dibeli di pintu kilang. Dengan itu padi yang tidak memenuhi syarat-syarat pemutuan seperti rosak, kotor, tidak cukup masak dan mengandungi wap basah melebihi 14% adalah perlu dikenakan potongan mengikut jadual yang telah ditetapkan itu. Sekiranya potongan tidak dibuat LPN akan mengalami kerugian dari hasil pengilangan yang berkurangan akibat dari padi muda serta mutu yang rendah akibat dari padi yang basah.

Tuan Ahmed Hambal Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen iaitu adakah Yang Berhormat sedar bahawa setengah

daripada wakil-wakil LPN yang datang membeli padi daripada agen-agen di mana-mana juga kawasan tempat petani menjual padi mereka selalu lewat untuk membuat pembayaran kepada agen-agen tersebut, ini menyebabkan pihak pembeli juga terpaksa menanggung pembayaran kepada petani-petani yang menjual sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah, terutama petani-petani yang sangat memerlukan wang apabila mereka menjual padi tersebut.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara ini berlaku pada suatu tempat yang tertentu. Walau bagaimanapun, hendak mengatakan semua tempat-tempat pembelian padi, perkara ini berlaku mungkin tidak begitu betul. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang tempat yang mengalami masalah ini, saya mengharapkan siapa sahaja termasuk Ahli Yang Berhormat untuk menghubungi pihak Kementerian atau LPN atau saya sendiri, insya Allah kita akan cuba atasi.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ramai pesawah-pesawah padi yang pergi menjual terus hasil mereka kepada LPN kerana akibat daripada sikap pekilang-pekilang dan orang-orang tengah sendiri yang mengenakan potongan yang tidak sewajarnya, dan melalui pengalaman kita dapati bahawa LPN memang memotong mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Dan sekiranya terdapat pekilang-pekilang dan orang-orang tengah yang memotong tidak mengikut peraturan yang sewajarnya umpamanya terdapat orang-orang tengah dan pekilang memotong mengikut guni dan tidak memotong mengikut kadar berat padi yang dijual, apakah tindakan-tindakan yang tegas yang telah diambil oleh pihak LPN

untuk memperbaiki keadaan ini. Dan jika Yang Berhormat ada maklumat-maklumat, berapa banyakkah atau berapa orangkah pekilang-pekilang atau orang tengah yang telah pernah diambil tindakan kerana tidak mengikut peraturan-peraturan yang berkenaan. Sekiranya pihak petani atau pesawah dapat memberi bukti-bukti bahawa potongan dibuat tidak mengikut peraturan seperti tidak mengikut kadar berat, bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan bahawa tindakan yang tegas boleh diambil kepada mereka.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kita melantik agen-agen pembelian padi, mungkin itulah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai orang tengah, dan agen-agen ini telah pun ditetapkan dengan jadual-jadual yang tertentu sepertimana juga yang diamalkan oleh pihak LPN di gudang-gudang LPN.

Bagi soalan yang ketiga dan ada hubungan juga dengan bahagian kedua soalan yang pertama, sekiranya ada maklumat-maklumat, insya Allah tindakan akan diambil dan bentuk tindakan ini sepertimana yang dikehendaki oleh bahagian kedua soal pertama Yang Berhormat tadi, kita boleh sampaikan tidak menyambung lesen-lesen agen-agen berkenaan ataupun kita berhak untuk menamatkan lesen-lesen agen-agen tersebut walaupun tarikh tamat lesen-lesen tersebut belum pun sampai lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 3 Yang Berhormat Dr Chen Man Hin tidak hadir).

LAPORAN RANCANGAN LEMBAH SUNGAI GOLOK

4. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah Laporan

Rancangan Lembah Sungai Golok akan diumumkan kepada orang ramai dan apakah faedah-faedah yang akan diperolehi rakyat negeri Kelantan khususnya dari rancangan ini dan berapa banyakkah tanah-tanah rakyat yang akan terlibat dalam melaksanakan perancangan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kajian Projek Lembah Sungai Golok sekarang adalah di peringkat penyediaan laporan akhir. Laporan ini telah dikaji dan dibincang oleh Jawatankuasa Pemandu Bersama Malaysia dan Thailand yang telah pun mengadakan beberapa mesyuarat. Jawatankuasa ini telah memutuskan supaya lebih banyak projek-projek bersama di antara Malaysia-Thailand dikenalpasti untuk faedah-faedah bersama kedua-dua buah negara, di samping projek-projek yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua buah negara masing-masing secara berasingan.

Berdasarkan deraf laporan akhir kajian beberapa projek yang meliputi pembangunan tanaman kekal serta skim pencegahan banjir telah dicadangkan yang dijangka akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk tempatan. Selain daripada itu, projek bersama pemulihan muara Sungai Golok akan memberi manfaat kepada nelayan-nelayan. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih lagi diteliti dengan mendalam dan belum ada keputusan muktamad dibuat. Oleh itu, tiadalah mungkin dinyatakan sekarang tanah-tanah yang akan terlibat dengan pelaksanaan projek ini. Jika perakuan-perakuan yang dibuat nanti diterima oleh agensi-agensinya sebagai asas pelaksanaan projek pembangunan pertanian Sungai Golok ini, maka program-program yang akan dilaksanakan akan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai.

KEJATUHAN HARGA KELAPA

5. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa harga kelapa telah jatuh ke paras yang paling rendah pada masa ini, salah satu sebab kejatuhan harga itu adalah kerana kemasukan kelapa kering dari luar negeri, apakah tindakan yang sedang dijalankan.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kebelakangan ini kedudukan harga kelapa telah merosot di pasaran. Keadaan ini sememangnya telah menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa. Tambahan lagi pada tempoh ini tanaman koko yang merupakan punca pendapatan tambahan pekebun-pekebun kecil kelapa telah menghadapi musim melawas akibat kemarau panjang pada awal tahun ini. Bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kelapa ini, pihak FAMA telah pun menjalankan aktiviti perkhidmatan sokongan pemasarannya melalui peningkatan aktiviti pembeliannya di kawasan-kawasan yang terjejas pada kadar harga belian pasaran semasa dalam tempoh 3 bulan ini. Walau bagaimanapun, masalah pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa ini adalah dijangka akan pulih sedikit apabila tanaman koko akan mula mengeluarkan hasil pada akhir tahun ini. Pihak FAMA juga akan mengurangkan aktiviti perkhidmatan sokongan pemasarannya berasaskan kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Kerajaan juga memang sedar bahawa di antara sebab kejatuhan harga kelapa adalah kerana kemasukan kelapa kering dari luar negeri. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan

menimbangkan usaha-usaha bagi menyekat kemasukan kelapa kering dari luar negeri melalui sekatan import. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah melaksanakan usaha-usaha bagi mencegah penyeludupan kelapa kering yang telah sedikit sebanyak menjajaskan kedudukan harga kelapa di negara ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Pertanian, dalam jawapan beliau tadi bahawa pihak FAMA menjalankan usaha jangka pendek untuk membeli ataupun memasarkan kelapa di seluruh negara, tetapi apakah akan berlaku sekiranya FAMA ini memberhentikan pembelian dan pemasaran itu disebabkan keadaan kewangan negara yang tidak diperuntukkan kepada FAMA?

Soalannya, saya ingin tahu apakah rancangan Jabatan Pertanian atau Kementerian Pertanian dua, tiga tahun yang lalu telah memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa tetapi rancangan itu tidak dikaji, sama ada bantuan koko itu boleh menampung pendapatan pekebun kecil kelapa. Apakah tidak ada rancangan jangka panjang Kementerian Pertanian supaya dengan nasihat-nasihat daripada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri tentulah ada merancang perkara yang baik untuk mengatasi masalah pendapatan pekebun kecil kelapa di seluruh negara?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini saya anggap begitu penting dan juga tentu sekali para pekebun-pekebun kecil di seluruh negara ingin mengetahui keadaan yang sebenarnya mengenai tindakan ataupun apa yang telah berlaku, bukan hanya di negara kita sahaja bahkan seluruh dunia ini pada masa ini oleh kerana "raw material"

sekarang sudah turun harga, jadi saya anggap penting sekali bagi saya untuk memberi penerangan yang jelas untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab lain kejatuhan harga ini sebagaimana kita ketahui pada masa sekarang oleh kerana, pertama, bertambah pengeluaran dan eksport daripada negeri Filipina dari Mei tahun ini. Negeri Filipina akhirnya telah mengatasi kesan kemarau yang panjang dari bulan Oktober, 1982 dahulu ke bulan Mei tahun ini. Kedua, pengeluaran isi-rong dijangka bertambah melebihi 13% kepada 2.06 juta tan dalam musim tahun 1984 dan 1985, selepas 7% meningkat di musim 1982 hingga 1983 dan 2% dalam musim tahun 1983 hingga 1984. Kebanyakan pertambahan ini ialah di Malaysia dan di Indonesia. Pertambahan 18% dijangkakan untuk pengeluaran minyak isi-rong di bulan April/September, 1985.

Pengeluaran kacang soya juga di dunia ini sekarang yang meningkat di Amerika Latin. Keluaran Brazil untuk 1984/85 dijangka pada 16.7 juta tan berbanding dengan 15.34 juta tan dalam tahun 1983 hingga 1984. Begitu juga pengeluaran benda-benda lain macam kacang soya yang baru dituai telah mula memasuki pasaran dunia sekarang. Pertambahan yang besar dalam pengeluaran kacang soya Amerika, jumlah bijian berminyak di Amerika Syarikat kebanyakannya minyak kacang soya, dan biji kapas meningkat 7%. Satu rekod keluaran minyak sawit di Malaysia ialah dianggarkan 6.6 juta tan untuk tahun 1984/85 dari 5.8 juta tan dalam tahun 1983/84. Pertambahan yang tinggi adalah dijangka dari bulan Jun dan berikutnya.

Satu lagi rekod, Tuan Yang di-Pertua, minyak matahari dan rape seed, pengeluaran minyak matahari Argentina yang baru dituai dijangka

meningkat 65%. Peningkatan dalam minyak bijian dan zaitun dari negeri China dan Sepanyol masing-masing 14% dan 16%.

Jadi, ketika Yang Berhormat sebut tadi pada tempoh masa kita mempunyai kewangan yang begitu mewah pada satu ketika dahulu, kita ada mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada para pekebun-pekebun kecil dan bukan pada ketika itu sahaja, bahkan dalam beberapa bulan yang telah lampau pembelian oleh FAMA kepada gred A dan B iaitu biji-biji buah kelapa 18 sen sebiji, gred C dan D 11 sen sebiji, gred campur 13 sen sebiji.

Dari tarikh 29hb Julai tahun ini hingga 17hb September tahun ini FAMA telah membeli kelapa biji sebanyak 6,943,883 biji dengan harga \$890,851.86 sen. Untuk tujuan ini pihak Kementerian telah membuat keputusan bahawa sejumlah \$2 juta boleh digunakan oleh FAMA untuk menjalankan operasi menyelamat kepada Bagan Datoh dan Hutan Melintang dan pada ketika ini juga kita sedang mencari daya usaha untuk menyelamatkan taraf ekonomi pihak pekebun-pekebun kecil ini dan juga bukan hanya pihak Kementerian Pertanian yang berusaha begini, bahkan seluruh Kerajaan Malaysia khususnya untuk membuat perbincangan yang muktamad apakah cara dan syarat untuk menolong para pekebun-pekebun kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keenam. Cuma saya ingin membuat pembetulan, "kerana kita ini Wakil Rakyat". Perkataan "kita" ada tertinggal yang akhir sekali.

WAKIL RAKYAT PARLIMEN DARI JELUTONG

6. Tuan Haji Wan Mohamed Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Wakil Rakyat Parlimen dari Jelutong, Pulau Pinang telah meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tentang kesalahannya melanggar Peraturan Dewan Rakyat 36 (8) tempoh hari sebagaimana yang telah diputuskan. Jika tidak, sampai bilakah Wakil Rakyat Parlimen tersebut boleh masuk semula ke Dewan ini untuk membincangkan masalah rakyat yang diwakilinya agar wakil tersebut mengutamakan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan diri sendiri, kerana kita ini Wakil Rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Ahli Parlimen yang mewakili rakyat dari Jelutong belum lagi meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini. Beliau hanya akan dibenarkan memasuki Dewan yang mulia ini setelah beliau menarik balik segala butir-butir yang terkandung di dalam soalan tambahan mengenai kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan memohon maaf dari Dewan yang mulia ini di atas pertanyaan tambahan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menerangkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak dibenarkan hadir di Parlimen hanya setelah dia menarik balik kata-kata seperti yang disebutkan itu dan juga meminta maaf kepada Dewan ini. Larangan ini adakah hanya setakat Penggal Parlimen yang ada ini ataupun jika sekiranya ia bertanding bagi masa akan datang, bolehkah ia masuk tanpa ia meminta maaf dan menarik balik kata-kata?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini boleh memutuskan sesuatu usul untuk jangka masa Parlimen yang ada sekarang.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, wakil dari Jelutong ini tidak hadir kerana kedegilannya tidak mahu meminta maaf. Ini disebabkan dirinya sendiri. Dengan sebab perbuatan diri sendiri itu menyebabkan beliau ini tidak hadir dalam Dewan ini lebih daripada 6 bulan dan ini juga menjadikan satu kesalahan di dalam Peraturan Dewan yang ada. Jadi, apakah tindakan yang harus diambil oleh Dewan ini jika sekiranya beliau ini tidak hadir selama 6 bulan dengan sebab kedegilan dirinya sendiri, dengan sebab kehendaknya sendiri tak mahu meminta maaf.

Yang kedua, sudah sekian lama beliau tidak hadir Dewan, sebagai Wakil Rakyat tetapi setahu saya beliau terus menerima elaun. Jadi, kalau simpulan bahasa orang kata gaji buta. Apakah ini harus diterima atau tidak demi sebagai seorang Wakil Rakyat yang dipilih?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita semua sedia maklum, Dewan yang mulia ini mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu. Kita telah pun memutuskan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah melakukan satu kesalahan dan usulnya telah pun diluluskan supaya beliau menarik balik segala pertanyaan dan memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini. Oleh kerana kita telah sendiri membuat keputusan, maka kita haruslah menunggu bila beliau menarik balik atau memohon maaf. Selain daripada itu, kita hanya boleh menunggu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat dari Padang Rengas ada bertanya sama ada usul yang diluluskan oleh Dewan ini mengenai menggantung keanggotaan Yang Berhormat dari Jelutong sama ada suspension ini adalah berkuatkuasa selepas pilihanraya besar. Adakah soalan ini menunjukkan bahawa lagi sekali bahawa Ahli-ahli Parlimen khasnya dari Barisan Nasional tak tahu, tak faham erti makna usul yang mereka sendiri lulus. Adakah.....
(*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat allegation. Yang boleh dibuat sekarang ialah membuat pertanyaan.

Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi.

(*Soalan No. 7 Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi tidak hadir*).

8. Dr Koh Tsu Koon minta Perdana Menteri menerangkan secara terperinci Program Ijazah Bersekutu Amerika, atau American Associate Degree (AAD) Programme, yang kini dilaksanakan oleh maktab-maktab MARA bersama-sama dengan universiti-universiti di Amerika Syarikat. Apakah universiti-universiti Amerika Syarikat yang terlibat. Berapa ramaikah pelajar-pelajar telah menyertai setakat ini dan dijangka akan menyertai program ini dalam tempoh lima tahun akan datang. Apakah faedah-faedah program AAD ini. Adakah Kerajaan akan bercadang membenarkan maktab-maktab swasta menyertai dalam program yang sama. Jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Program AAD, dengan izin, American Associate Degree yang dilaksanakan oleh Maktab-maktab MARA bersama-sama dengan universiti-universiti di Amerika Syarikat merupakan

program pengajian di mana pelajar-pelajar diperlukan belajar di Maktab Sains MARA selama dua tahun untuk memperoleh American Associate Degree? Dalam tempoh dua tahun itu pelajar-pelajar berkenaan mempelajari mata-mata pelajaran general studies, dengan izin, yang merupakan kursus asas sebagai penyediaan untuk mengikuti bidang pengkhususan mereka kelak.

Sebanyak 35 buah universiti-universiti dan kolej terlibat. Bilangan pelajar-pelajar yang telah keluar dari Maktab Sains MARA dan berada di universiti-universiti di Amerika Syarikat ialah seramai 177 orang. Bilangan mereka yang sedang mengikuti pengajian di Maktab Sains MARA ialah seramai 484 orang. Adalah dijangkakan seramai 4,400 orang pelajar akan terlibat dalam program ini sehingga tahun 1990.

Pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang membenarkan maktab-maktab swasta menyertai program yang sama adalah tidak timbul kerana pada masa ini terdapat beberapa institusi pengajian swasta mengendalikan program yang menyerupai program ini. Faedah-faedah yang diperolehi dari program itu adalah untuk membolehkan penyampaian pengajian di peringkat ijazah universiti-universiti Amerika Syarikat di dalam negeri untuk dua tahun permulaan. Pendedahan pelajar-pelajar selama dua tahun kepada sistem pembelajaran Amerika Syarikat memudahkan mereka menyesuaikan diri untuk menghadapi cabaran semasa meneruskan pengajian di luar negeri, mengurangkan kos pengajian serta pengaliran wang ke luar negeri dan bertindak sebagai penapis di mana pelajar-pelajar yang benar-benar baik sahaja berpeluang menempah kejayaan akademik di Amerika Syarikat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa program, dengan izin, twin university ini di mana pelajar-pelajar mengadakan pelajaran tahun pertama dan tahun kedua di tempatan dan melanjutkan pelajaran di luar negeri khusus untuk pelajar-pelajar bumiputera sahaja? Adakah Kerajaan berhasrat meluaskan program ini supaya program-program Kerajaan, bukan program-program swasta, pun boleh memberi faedah kepada semua pelajar-pelajar tak kira kaum supaya program baru ini tidak menjadi satu perkara yang akan menyebabkan lagi polarisasi kaum?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini program MARA adalah khusus untuk pelajar-pelajar bumiputera tetapi terdapat program-program yang dianjurkan oleh penganjur-penganjur yang lain yang juga meliputi pelajar-pelajar bukan bumiputera. Jadi, dengan itu adalah tidak benar di bawah program yang mana Kerajaan memberi bantuan ini adalah semata-mata untuk memperkuat lagi polarisasi kaum.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri berapa banyakkah dapat Kerajaan mengurangkan perbelanjaan bagi seorang pelajar jika dihantar dengan American Associate Degree ini di sini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Purata jumlah perbelanjaan, Tuan Yang di-Pertua, setiap pelajar yang berada di Maktab Sains MARA ialah \$10,000 setahun berbanding dengan \$25,000 setahun kalau di Amerika Syarikat. Jadi jimatian adalah lebih daripada 50% iaitu \$15,000.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang

berkenaan, yang pertama, apakah bidang-bidang pengajian yang diambil oleh pelajar-pelajar yang mengikuti program ini.

Yang kedua, adakah universiti-universiti tempatan juga akan terus terlibat dalam rancangan yang seumpama ini.

Yang ketiga, apakah yang akan berlaku kepada pelajar-pelajar yang memperolehi ijazah A.A.D. ataupun American Associate Degree ini yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka di universiti Amerika iaitu selepas mereka menamatkan pengajian selama dua tahun di Maktab MARA dan tidak dapat melanjutkan, adakah A.A.D. ini diiktirafkan di negara kita sebagai setaraf dengan diploma-diploma yang diberi oleh Maktab-maktab MARA ataupun dengan taraf apa dari segi gaji dan sebagainya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya baca soalan tadi walaupun tiga soalan dikaitkan dengan yang lain sudah jadi enam atau tujuh. Dan nasihat Tuan Yang di-Pertua supaya dijawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

PUSAKABUMI— BORANG PENDAFTARAN

9. Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang sungutan kontraktor dan pembekal berkaitan dengan borang pendaftaran PUSAKABUMI yang sangat susah untuk diisikan butir-butir yang dikehendakinya, berbanding dengan borang pendaftaran JKR di bawah sistem pendaftaran sebelum ini. Apakah langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses pendaftaran kontraktor dengan PUSAKABUMI.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, apabila borang itu mula dirangka, pandangan dan nasihat semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang pada dahulunya ada menguruskan ehwal pendaftaran kontraktor telah diminta. Di atas perakuan dan nasihat Jabatan-jabatan dan Agensi itulah maka Borang Permohonan Pendaftaran telah dibentuk, maklumat-maklumat yang diminta serta dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah yang difikirkan perlu untuk membolehkan suatu keputusan yang saksama dicapai ke atas sesuatu permohonan. Mungkin apa yang dirungutkan ialah bukannya borang itu sukar atau sulit diisi tetapi sebenarnya ialah maklumat-maklumat yang diminta dikemukakan adalah banyak. Oleh kerana pertimbangan ke atas sesuatu permohonan itu besar berkisar di atas maklumat-maklumat penting yang dikemukakan oleh pemohon adalah demi kebaikan pemohon untuk mengadakan maklumat-maklumat itu.

Walau bagaimanapun pihak PUSAKABUMI sedang menyediakan satu panduan mengisi borang yang lebih terperinci lagi demi membantu pemohon-pemohon.

Untuk mempercepatkan proses pendaftaran kontraktor dengan PUSAKABUMI, urusan memproses dan menimbang permohonan itu adalah berbeza mengikut kes iaitu jika permohonan yang dikemukakan lengkap dan segala dokumen yang perlu telah dikemukakan bersama maka jangka masa purata yang telah diambil ialah antara dua hingga tiga bulan. Tetapi dalam kebanyakan permohonan-permohonan yang dikemukakan, banyak persuratan berlaku untuk meminta laporan-laporan lengkap daripada pihak bank dan agensi-agensi lain bagi mengesahkan butir-butir dalam permohonan tersebut. Sudah tentulah persuratan demikian memakan masa.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan sedar sekarang ini wujud banyak koperasi-koperasi anjuran Kerajaan dan salah satu daripadanya ialah Koperasi Pembangunan Daerah di mana di dalam Koperasi Pembangunan Daerah ini terdapat Ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada anggota-anggota Kerajaan. Dan ini dibenarkan keanggotaan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan ini dibenarkan mengikut undang-undang kecil Koperasi Pembangunan Daerah itu sendiri. Dan kebanyakan pengurus bagi KPD-KPD ini pula adalah terdiri daripada kakitangan KEMAS hinggan apabila KPD ini memohon pendaftaran PUSAKABUMI, permohonan ditolak dengan alasan anggota Lembaga Pengarah dan Pengurus kepada KPD-KPD ini adalah terdiri daripada kakitangan Kerajaan. Jika Kerajaan sedar tentang perkara ini, adakah pihak PUSAKABUMI akan memberi kelonggaran terhadap permohonan pendaftaran PUSAKABUMI kepada Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah ini.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sehingga setakat ini, berapakah syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan PUSAKABUMI ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya PUSAKABUMI tidak menentukan syarat sama ada pegawai-pegawai Kerajaan yang memasuki syarikat dan hendak mendaftar dengan PUSAKABUMI. Yang melarang pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan menyertai syarikat ialah Peraturan Perkhidmatan, itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai angka yang terakhir ini, saya minta notis.

REBAT DARI MINYAK PETROLEUM

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun rebat dari hasil minyak petroleum yang telah diberi kepada setiap negeri yang mengeluarkan minyak dan nyatakan sama ada negeri-negeri ini masih diberi rebat 5 peratus sahaja dan sila nyatakan sama ada beliau berhasrat untuk menaikkan kadar tersebut kepada 10% bagi tujuan pembangunan; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak memberi sebarang rebat dari hasil minyak petroleum kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak petroleum ini. Tetapi Kerajaan ada memberi royalti kepada negeri-negeri yang berkenaan. Jumlah royalti ke atas petroleum yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada negeri-negeri berkenaan bagi tahun 1983 hingga setengah tahun pertama tahun ini, hingga bulan Jun, adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah \$ juta</i>
Kerajaan Persekutuan	1,452.3
Negeri Terengganu ..	651.5
Negeri Sabah	264.5
Negeri Sarawak ..	533.4

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti yang ada sekarang kepada 10%.

INDUSTRI SINGAPURA MELABUR KE MALAYSIA

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah industri Singapura yang masuk melabur ke Malaysia akibat kemelesetan ekonomi negara itu dan dimanakah lokasi industri yang berkenaan. Berapakah jumlah pelaburan tersebut setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1980 hingga Jun, 1985 sebanyak 399 projek industri Singapura telah diluluskan melibatkan ekuiti sebanyak \$235.4 juta. Daripada jumlah projek ini, 63 telah diluluskan pada tahun 1980, 74 dalam tahun 1981, 51 dalam tahun 1982, 65 dalam tahun 1983, 103 dalam tahun 1984 dan 43 dalam tempoh Januari-Jun, 1985 ini.

Dari segi lokasi, 173 projek telah diluluskan bagi ditempatkan di Johor, 88 di Selangor, 28 di Wilayah Persekutuan, 23 di Pulau Pinang dan bakinya sebanyak 87 di negeri-negeri lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk menentukan bilangan sebenarnya projek industri Singapura yang melabur ke Malaysia akibat dari kemelesetan ekonomi Singapura. Ini adalah kerana keputusan untuk pelabur-pelabur Singapura melabur di Malaysia atau di negara-negara lain adalah bergantung kepada beberapa faktor yang mana kemelesetan ekonomi negara mereka adalah merupakan hanya salah satu daripada faktor yang berkaitan. Iklim pelaburan Malaysia yang stabil dan baik, galakan-galakan cukai yang menarik yang ditawarkan oleh Kerajaan, serta usaha-usaha yang giat dijalankan oleh Kerajaan untuk

menarik pelabur asing juga merupakan faktor-faktor yang penting di dalam membuat keputusan pelaburan.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau boleh menyatakan apakah jenis industri-industri dari negara Singapura yang ada sekarang di Malaysia dan bolehkah beliau menyatakan saiz pelaburan yang terbesar sekali dalam negara Singapura.

Dato Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jenis, saya ingat senarainya itu panjang, saya ingin bagi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Berkenaan semua ekuiti yang tertinggi sekali. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Mana yang tertinggi sekali industri itu?

Dato Oo Gin Sun: Industri yang tertinggi ialah "manufacturing".

KADAR BAYARAN ELEKTRIK

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benarkah Kerajaan menimbang untuk mengurangkan bayaran elektrik sebab harga minyak mentah sudah semakin berkurang dan stesen pengeluaran hidro-elektrik (HEP) akan digunakan. Jika tidak, mengapa sebabnya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada soalan dari Ahli Yang Berhormat itu adalah bermaksud kadar Lembaga Letrik Negara (LLN) bagi pengguna-pengguna Semenanjung ini ataupun kadar yang dikenakan oleh SESCO bagi pengguna-pengguna di Sarawak.

Sekiranya ia bermaksud pengguna-pengguna LLN, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun sedia maklum bahawa kadar tarif elektrik telah pun diperturunkan pada 1hb September, 1985 ini. Penurunan tarif ini telah dapat dilakukan bukan sahaja disebabkan harga minyak bahan bakar telah menurun, akan tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti berikut:

- (1) purata keseluruhan harga bahan bakar dijangka turun dengan adanya penggunaan gas dan arang batu bagi menggantikan minyak dalam sistem penjanaan LLN.
- (2) keupayaan penjanaan hidro telah meningkat.
- (3) pengenalan mesin berat 300 megawatt dalam sistem dasar operasi beban.
- (4) dasar memperbagaikan sumber bahan bakar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Seandainya pula soalan ini bermakna pengguna-pengguna di Sarawak, adalah sukar bagi saya untuk menyatakan sama ada kadar tarif bagi SESCO boleh dikurangkan lagi memandangkan bahawa SESCO masih lagi merupakan sebuah Perbadanan Negeri pada masa sekarang ini. Dengan itu, terpujanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada untuk menimbangkan penurunan tarif ini ataupun sebaliknya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai bekalan elektrik di negeri Sarawak, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengatakan bahawa SESCO masih di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Soalan saya ialah bilakah pihak Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih SESCO itu supaya

keputusan yang besar seperti pembinaan Projek Elektrik Hidro Bakun boleh dibuat?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa baru-baru ini sahaja pihak Kerajaan Negeri telah memerlukan pengguna-pengguna elektrik di Sarawak untuk membayar deposit yang besar, yang tinggi sehingga \$12,000 sebagai syarat untuk mendapatkan bekalan elektrik, khususnya di dalam Bandar Sibul?

Dato Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana maklum bahawa usaha-usaha untuk mengambil alih SESCO menjadikan badan itu sebagai satu badan Kerajaan Pusat sedang berjalan dan kami jangka dapat diselesaikan pada tahun hadapan—selesai proses pengambilan alih badan tersebut.

Tentang deposit yang meningkat dikenakan kepada pengguna-pengguna, sebagaimana yang disebutkan \$12,000, setakat ini kami belum sedar lagi kerana sebagaimana saya katakan tadi ini adalah satu badan Negeri dan tindakan ini tidak dirujuk kepada pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau menyedari bahawa kadar baru yang dikurangkan bagi pengguna-pengguna yang istimewa tidaklah mendatangkan faedah kepada pengguna-pengguna yang lain, khususnya pekilang-pekilang yang menggunakan kuasa elektrik di bawah 11 kw dan mereka pada masa sekarang masih membayar kadar yang tinggi sekali?

Soalan yang kedua ialah berkenaan dengan stesen hidro elektrik, saya ingin bertanya sehingga sekarang

manakah stesen hidro elektrik yang mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan yang terbanyak sekali?

Soalan yang ketiga, adakah pihak Kementerian atau LLN bercadang membina projek hidro elektrik yang besar sekali untuk mengurangkan beban dan tidak akan menggunakan mini-hidro sahaja yang tidak mendatangkan keuntungan yang banyak?

Dato Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, kami memang sedar dari segi proses untuk menurunkan kadar bayaran elektrik itu ada setengah-setengah industri akan mendapat keuntungan dan ada setengah industri lain pula tidak berubah kadar bayarannya dan ini sudah diperkirakan dan diputuskan dengan waras dan sedar.

Bagi soalan yang kedua tentang faedah antara projek hidro yang menjanakan elektrik, saya minta notis supaya saya dapat memberi jawapan secara terperinci. Saya tidak ada jawapannya dan saya tidak ada kajian secara bandingan yang mana yang lebih untung di antara projek hidro yang kita sedang operate sekarang ini.

Soalan yang ketiga, ada kekeliruan sedikit tentang konsep kita jalankan mini-hidro dengan hidro. Mini-hidro ini adalah satu tampungan di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak sampai kepada kemudahan elektrik biasa. Tetapi hidro adalah satu usaha untuk membanyakkan, "diversify source" penjana. Jadi hidro adalah merupakan satu usaha sebagai satu punca kuasa di antara punca api, arang batu dan juga gas yang sedang kita jalankan. Jadi walaupun sekarang ini kita masih bergantung kuat kepada punca minyak sebagai bahan bakar tetapi kita sedang dalam proses membanyakkan base supaya kita tidak bergantung kepada mana-mana satu source sahaja.

KILANG PENAPIS MINYAK SWASTA

13. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab atau rational dengan membenarkan sektor swasta untuk melaksanakan sebuah Kilang Pembersih Petroleum apabila kilang pembersihan yang sedia ada di sini tidak dijalankan dalam muatan (capacity) yang penuh lebih kurang 215,000 tong sehari (barrel per day) kerana pada masa kini hanya 172,000 tong pada sehari diproseskan secara tempatan; dan
- (b) sama ada rancangan-ancangan untuk membina di Melaka Kilang Pembersih Petroleum yang terbesar di negara ini telah pun diberikan kelulusan supaya diteruskan sedangkan rancangan-ancangan ini telah ditangguhkan selaras dengan polisi jimat-cermat Kerajaan dan jika ya, apakah "justification" bagi "turn-about" sebegini dalam polisi jimat-cermat ini.

Datok Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya untuk memberi kebenaran kepada sektor swasta menubuhkan sebuah kilang penapis petroleum sesuai dengan konsep penswastaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta di dalam aktiviti-aktiviti perindustrian.

Dalam hal ini terpulanglah kepada pihak sektor swasta itu memastikan sebarang projek yang hendak dijalankan sama ada viable dan feasible, dengan izin.

Kilang-kilang penapis petroleum yang sedia ada sekarang di negara kita adalah beroperasi di paras keupayaan

maksima bagi memenuhi permintaan pasaran bahan-bahan petroleum tempatan.

Kerajaan tidak pernah mengubah polisi atau dasar jimat cermat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan, projek kilang petroleum Petronas seperti yang dirancangan di Melaka ditangguhkan selaras dengan dasar tersebut dan juga bagi membolehkan kajian yang menyeluruh berkaitan dengan beberapa aspek pelaksanaan projek tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kajian menyeluruh mengenai projek di Melaka telah selesai dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengenai peringkat atau kemajuan kajian itu?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kajian menyeluruh yang dimaksudkan itu adalah terutama sekali mengenai dengan capacity (keupayaan) berapa tong sehari yang boleh diproses; kedua mengenai dengan harga mendirikan kilang di Melaka itu terutama sekali dengan mengambil kira keadaan di dalam alam perdagangan dan perusahaan minyak atau petroleum di negara kita; dan ketiga dengan mengambil kira kemungkinan pasaran minyak antarabangsa terutama sekali dari segi harga minyak sama ada ia akan turun ataupun naik di tahun-tahun yang akan datang. Kajian ini sedang dijalankan dan adalah diharapkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti projek ini dapat diselidiki dengan lebih teliti.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, oleh kerana pihak Kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan pembinaan kilang penapis minyak di Melaka dan oleh kerana kita masih lagi mengirim minyak mentah daripada Terengganu ke Singapura untuk ditapis, adakah pihak PETRONAS bercadang untuk

membesarkan kapasiti kilang yang ada di Terengganu itu supaya yang pertama kita tidak payah lagi menapis di Singapura dan yang kedua tidak payah lagi berbelanja besar untuk membina kilang penapis baru di Melaka yang barangkali akan menguntungkan penduduk-penduduk di kawasan Kota Melaka? (*Ketawa*).

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sesuatu kilang penapis minyak di negara kita adalah disebabkan oleh keperluan-keperluan penduduk negara ini terutama sekali keperluan-keperluan pembangunan, perindustrian, ekonomi kita dan sebagainya. Sebenarnya, pembinaan kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu adalah dibuat atas permohonan dan rayuan Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat Terengganu di satu masa dahulu dan mujurlah permohonan-permohonan mereka itu telah pun ditunaikan dan kilang itu telah pun beroperasi selama hampir 2 tahun. Kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu itu sukar diperbesarkan keupayaannya kerana berbuat demikian akan berkehendakkan perkakas-perkakas baru dan pembinaannya akan memakan belanja yang beratus-ratus juta ringgit.

Di sebaliknya, untuk memenuhi keperluan minyak dan lain-lain bahan petroleum di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah mengkaji dan telah mengambil keputusan lebih 2 tahun dahulu untuk membina kilang penapis minyak di Melaka itu supaya sepanjang corridor ataupun jalan daripada utara ke selatan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia itu keperluan-keperluannya dapat ditampung menerusi keluaran minyak masa hadapan. Itulah sebabnya kilang yang di Melaka itu telah ditetapkan di situ. Cuma soal kewangan negara sahaja yang melambatkan kita, seperti yang saya

katakan tadi, untuk meninjau dan cuba mengurangkan ongkos membina kilang itu. Tentulah mudah-mudahan apabila kilang ini telah dibina, Ahli dari Kota Melaka dan penyokong-penyokong beliau memang akan dapat mengecap faedah daripada projek ini tetapi bukan beliau sahaja dan kawan-kawan beliau ataupun pengundi-pengundi beliau akan tetapi juga semua rakyat di Pantai Barat Semenanjung.

PEKERJAAN PENDATANG HARAM INDONESIA

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap (i) Abdullah Moez Haji Abdullah, Setiausaha Peribadi kepada Ahli Dewan Negeri kawasan Kukup, Ahmad Abdullah, kerana mengeluarkan 20 pucuk surat yang merekomendasikan pekerjaan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia di negeri tersebut; (ii) Abdullah Rahim bin Abu Bakar, Penghulu Mukim Serkat, Pontian, Johor kerana mengeluarkan surat-surat rekomen kepada seorang pendatang haram Indonesia bernama Kadeni bin Sali, pada 13hb Mac, 1984, untuk mencari kerja serta menetap secara haram di Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang menyiasat perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri apakah mesti surat rekomen yang dikeluarkan oleh Abdullah Moez bin Haji Abdullah dan juga yang dikeluarkan oleh Abdullah Rahim bin Abu Bakar ini mesti dapat pekerjaan? Jadi kalaulah takdirnya dapat, apakah salah orang yang beri rekomen

ataupun salah orang yang menerima pekerjaan itu, kalaulah salah, ataupun kedua-duanya tidak salah?

Yang kedua, saya sebagai Wakil Rakyat Pasir Putih, saya hendak beri rekomen kepada seorang rakyat Republik China misalnya, ataupun kepada rakyat India, ataupun rakyat negeri Arab, kalau lakulah, untuk mendapatkan satu pekerjaan. Jadi, adakah salah bagi saya untuk mengeluarkan surat rekomen, dapat belum tentu. Jadi kalau tidak salah, maka adalah jahil bagi kita mempersoalkan perkara surat rekomennya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah terangkan pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Polis Di-Raja Malaysia masih lagi menyiasat dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kenapa pihak Polis mengambil masa begitu panjang untuk menyiasat perkara yang begitu simple. Dan kedua, bukankah tanggungjawab semua rakyat termasuk Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab apabila tahu ada pendatang haram baik pun dari Indoneisa, China atau India untuk melaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan bukan untuk rekomen kerja-kerja kepada mereka dan kalau mereka buat begitu, bukankah mereka sebenarnya anti-nasional?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pihak Polis ataupun Jabatan Polis Di-Raja Malaysia mempunyai 1,001 kerja dan dalam kes ini pihak Pengerusi DAP Johor telah melaporkan ataupun membuat laporan kepada Polis hanya pada 3hb Ogos tahun ini juga. Jadi tidaklah bermakna bahawa pihak Polis tidak menyiasat dalam perkara ini. Kes ini masih dalam siasatan Polis.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—TAHANAN

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam tahun 1982, 1983, 1984 dan sehingga 1-9-1985.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dari tahun 1982 sehingga 1hb September, 1985 mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
1982	24 orang
1983	5 ,,
1984	11 ,,
1985 (hingga 1-9-1985)	2 ,,

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dalam keadaan apakah orang tahanan yang ditahan di bawah ISA akan dibebaskan?

Yang kedua, sama ada Kerajaan bercadang tidak membenarkan ISA bagi menentang orang-orang yang tidak bersetuju dengan polisi-polisi Kerajaan dan sama ada Kerajaan bercadang membebaskan segala orang tahanan yang ditahan di bawah ISA sebelum pilihanraya umum yang akan datang?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, sebenarnya pihak Kementerian Dalam Negeri selalu membebaskan mereka-mereka yang telah pun dipulih semula. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pada tahun ini sahaja sehingga bulan September, 1985 sebanyak 152 orang telah dibebaskan tanpa syarat.

Tentang adakah pihak Kerajaan ingin membebaskan mereka-mereka yang ditahan sebelum pilihanraya umum yang akan datang, saya menegaskan di sini bahawa mereka yang ditahan adalah ditahan oleh kerana dianggap sebagai satu ancaman kepada keselamatan dalam negeri dan jikalau terdapat mereka-mereka yang menjadi ancaman kepada keselamatan dalam negeri, mereka akan terus ditahan walaupun datang pilihanraya atau tidak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menunjukkan bahawa sejak 3 tahun kebelakangan ini kita telah menahan cuma 18 orang sahaja di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berbanding dengan 24 orang dalam satu tahun iaitu tahun 1982.

Soalan saya ialah yang mana satu yang betul di antara dua sebab, maka kita sekarang mendapati bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta ini lebih berkurangan sejak akhir-akhir ini. Yang mana satu di antara dua: yang pertama sama ada orang telah berkurangan membuat kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan yang kedua sama ada Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah Kerajaan yang liberal yang penuh dengan toleransi dan tidak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini secara sewenang-wenangnya seperti yang selalu dituduh oleh pihak Pembangkang?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jawabannya "ya" dan "ya". (*Ketawa*).

PENAGIH DADAH—JUMLAH

16. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa walaupun

beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi dadah, jumlah penagih dadah telah meningkat dan jika ya, nyatakan jumlah penagih dadah kini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semenjak bermulanya masalah dadah secara serius di negara ini pada awal tahun-tahun 1970an, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bertujuan untuk mengawal dan mencegah dadah. Tindakan-tindakan diambil adalah dalam bidang-bidang perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan penerangan serta kerjasama antarabangsa.

Kempen Anti Dadah Kebangsaan telah dilancarkan pada 19hb Februari, 1983 yang lalu. Ini diikuti pula dengan pengisytiharan masalah dadah sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Semenjak itu, langkah-langkah memerangi dadah telah ditingkatkan lagi dalam berbagai-bagai bidang.

Jumlah penagih dadah yang telah dikenalpasti dari tahun 1970 sehingga Ogos 1985 ialah seramai 108,027 orang. Jumlah penagih baru yang telah dikenalpasti dalam tahun 1982 ialah seramai 13,363 orang dan dalam tahun 1983 seramai 14,624. Dalam tahun 1984 inilah bilangan penagih yang teramai sekali telah dikesan, tetapi jumlah penagih baru yang dikenalpasti didapati menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Dalam tahun 1984, hanya seramai 11,915 orang penagih baru yang telah dikenalpasti. Sementara itu dalam tahun ini iaitu 1985 sehingga bulan Ogos, seramai 3,802 orang sahaja penagih baru telah dikenalpasti.

Angka-angka ini memberikan petanda baik dari segi masalah penagihan dadah di negara ini. Ianya

menunjukkan bahawa walaupun bilangan penagih di negara ini masih ramai, mereka yang dikesan buat pertama kali mulai berkurangan bagi dua tahun berturut-turut. Ini bermakna Kempen Kesedaran dan Pencegahan yang dilancarkan awal 1983 dan tindakan agensi-agensi penguatkuasa terhadap penagih-penagih mulai memberi kesan yang menggalakkan.

Namun demikian, tindakan anti dadah dalam semua bidang terutamanya pendidikan pencegahan di sekolah-sekolah dan penerangan kepada orang ramai mengenai bahaya dadah dan bagi menanamkan sikap benci kepada dadah akan terus dipertingkatkan. Di samping itu, usaha-usaha mencegah kemasukan dadah ke dalam negara dan program rawatan dan pemulihan penagih dadah juga akan ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 7 dan 17 hingga 21 adalah seperti di bawah ini).

PEKERJA ASING

1. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapa ramai pekerja-pekerja asing secara sah dan secara haram yang terdapat di negara ini dalam berbagai-bagai sektor. Setakat mana usaha-usaha strategi dan insentif Kerajaan dan majikan-majikan swasta untuk memobilisasi dan menarik buruh-buruh tempatan mengisi pekerjaan-pekerjaan yang dianggap tidak menarik oleh tenaga pekerja tempatan seperti dalam sektor ladang, binaan dan lain-lain lagi;

- (b) berapa kerugian negara dan majikan-majikan kerana kekurangan tenaga pekerja, dengan memberi contoh sektor pertanian, dan lain-lain lagi yang dapat dipastikan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):

- (a) Bilangan pekerja asing yang sah dari negara-negara Indonesia, Thai dan Bangladesh yang terdapat di negara ini setakat 12-10-85 mengikut sektor adalah seperti berikut:

Perladangan	—	654 orang
Binaan	—	1,284 orang
Pembantu Rumah	—	142 orang

Kerajaan tidak ada statistik mengenai warganegara asing yang bekerja secara haram di negara ini oleh kerana kemasukan mereka dan kegiatan-kegiatan mereka itu adalah menyalahi undang-undang.

Justeru itu, mereka sentiasa ditangkap, didakwa dan diusir keluar apabila mereka dikesan.

Untuk menarik tenaga buruh tempatan ke sektor-sektor yang menghadapi kekurangan tenaga buruh, agensi-agensi di bawah Kementerian saya sentiasa menggalakkan pihak majikan supaya meningkatkan kadar upah dan lain-lain syarat pekerjaan dan juga memperbaiki lagi suasana di tempat pekerjaan untuk menjadi lebih menarik kepada para pekerja.

- (b) Perkembangan industri dalam negara dan sikap memilih kerja telah mengakibatkan golongan belia tidak lagi berminat bekerja di sektor perladangan lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang terpencil. Oleh

yang demikian memang terdapat ladang-ladang yang menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh dan ini tentu sekali mendatangkan kerugian kepada ladang-ladang itu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tiada mempunyai angka-angka sebenar mengenai kerugian tersebut.

**BIL TELEFON—ADUAN
PENGGUNA**

3. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memperkenalkan bil telefon yang menghuraikan secara terperinci panggilan-panggilan (itemised telephone bill) memandangkan terdapat aduan-aduan daripada para pengguna mengenai bil-bil telefon yang silap dan terlalu tinggi.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Kementerian saya memang bercadang untuk mengadakan bil telefon terperinci ataupun "itemised telephone bill" bagi panggilan-panggilan dalam negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan di sini bahawa bil terperinci sudah pun dilaksanakan oleh Jabatan Telekom Malaysia (JTM) bagi semua panggilan-panggilan antarabangsa.

Pada masa ini pihak Jabatan Telekom Malaysia sedang menjalankan beberapa projek perintis bil terperinci di beberapa ibusawat telefon di Semenanjung Malaysia. Projek ini melibatkan pemasangan peralatan khas di ibusawat-ibusawat berkenaan bagi merekodkan butir-butir panggilan secara terperinci. Daripada kajian yang dibuat dari projek perintis ini didapati bahawa kos mengadakan peralatan khas bagi merekodkan panggilan-panggilan telefon dalam negeri secara terperinci adalah terlalu tinggi. Disebabkan

faktor ini maka Kementerian saya terpaksa membuat keputusan tidak akan mengadakan kemudahan ini buat sementara waktu; sehinggalah ke satu masa di mana pihak Jabatan Telekom Malaysia benar-benar mampu menanggung kos tersebut.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga saya ingin memaklumkan bahawa kebanyakan pentadbiran-pentadbiran telekom di negara-negara maju seperti negara Jepun masih belum mengadakan kemudahan bil terperinci.

KILANG BERAS YANG DITUTUP

7. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejak tahun 1980 sehingga September, 1985 berapakah kilang beras yang telah ditutup di negeri Kedah dan apa sebabnya.

Tuan Hussein bin Mahmud: Daripada tinjauan yang dijalankan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, terdapat 20 buah kilang beras di negeri Kedah telah memberhentikan operasinya semenjak tahun 1980 hingga sekarang.

Di antara sebab-sebab yang membawa kepada penutupan kilang-kilang ini ialah kerana kelemahan pentadbiran dan pengurusan, modal yang kecil yang mengakibatkan ketidakupayaan membeli padi dan menambah kemudahan pemerosesan terutama pengeringan, serta kurang kepercayaan institusi kewangan untuk memberi jaminan bagi modal pusingan dan pembaikan kilang.

Lain-lain faktor yang mempengaruhi kepada penutupan kilang-kilang ini ialah kerana ketiadaan saluran pemasaran beras yang tetap, tidak berupaya memberi kredit kepada pelanggan-pelanggan bekalan padi/beras yang tidak berterusan dan mutu beras yang dihasilkan tidak memuaskan yang

mengakibatkan sukar menembusi pasaran dan bertanding dengan pengeluar-pengeluar lain.

KEMEROSOTAN HARGA GETAH/KELAPA SAWIT

17. Tuan Quah Wee Lian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kepada kemerosotan harga getah dan begitu juga harga kelapa sawit:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya menambahkan permintaan luar negeri serta tempatan untuk kedua barangan utama negara kita; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan harga getah dan kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Memandangkan kemelesetan harga getah dan kelapa sawit, Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah untuk menambah permintaan luar negeri serta tempatan bagi kedua-dua barangan utama tersebut. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (1) Menghantar misi dan rombongan galakan pemasaran kepada negara-negara pengguna yang berpotensi untuk mencari pasaran baru atau memperkukuhkan pasaran yang sedia ada. Dalam hal ini Seminar/Persidangan dan pameran dianjurkan di dalam dan di luar negeri dengan tujuan untuk menggalakkan penggunaan barangan utama Malaysia.
- (2) Meningkatkan khidmat nasihat teknikal ke negara-negara pengguna barangan utama Malaysia dan dalam hal ini agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Penyelidikan dan

- Kemajuan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) telah menubuhkan Pusat Khidmat Nasihat Teknikal di beberapa negara pengguna yang penting untuk melaksanakan khidmat tersebut. Menerusi khidmat ini, aktiviti galakan dan teknikal dilakukan secara hubungan terus dengan pengguna-pengguna akhir dan pembuat-pembuat barangan berasaskan getah dan minyak kelapa sawit. Usaha-usaha tersebut adalah penting bukan sahaja untuk membantu pengguna-pengguna mengatasi masalah teknikal dan memperkenalkan kepada pengguna-pengguna baru tentang kelebihan ekonomi dan teknikal barangan utama ini, tetapi juga untuk menggalakkan kemajuan-kemajuan yang terbaru hasil daripada usaha penyelidikan dan pembangunan (R & D).
- (3) Kerajaan juga berusaha mendapatkan negara-negara pengguna menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif bagi meluaskan penggunaan barangan utama Malaysia.
- (4) Di peringkat dalam negeri, di samping melancarkan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan pasaran dalam negeri bagi barangan utama tempatan, Kerajaan juga menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan pertanian yang menggunakan barangan utama tempatan sebagai bahan-bahan pengeluaran. Seajar dengan usaha ini pelbagai insentif telah diberikan. Ini termasuklah pembelian getah dengan harga diskaun dari agensi-agensi Kerajaan, pengurangan kadar bayaran letrik dan juga galakan pengurangan cukai eksport bagi beberapa peringkat minyak kelapa sawit yang diproses.
- (5) Usaha-usaha penyelidikan yang berterusan yang dilakukan oleh RRIM, Persatuan Pengeluaran-pengeluaran Getah Malaysia (MRPRA) dan PORIM juga telah dipergiatkan bagi mencari kegunaan-kegunaan baru getah dan kelapa sawit di samping menambahkan lagi kandungan barangan utama tersebut dalam sesuatu barang. Hasil daripada penyelidikan-penyelidikan ini akan meluaskan lagi permintaan sama ada di peringkat luar negeri mahupun tempatan.
- (b) Kerajaan akan terus berusaha mempertahankan harga getah di mana yang boleh. Melalui Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah melalui operasi stok penibalnya, perjanjian ini telah membantu supaya harga getah asli tidak terus jatuh ke paras yang lebih rendah lagi. Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti MARDEC dan RISDA akan terus menjamin pasaran bagi getah pekebun-pekebun kecil dengan saluran pasaran yang diperlukan. Menerusi agensi penyelidikannya iaitu RRIM, usaha-usaha penyelidikan terus dipergiatkan untuk mengurangkan kos dan memperbaiki mutu supaya dapat bersaing di pasaran dunia. Bagi minyak kelapa sawit, langkah-langkah Kerajaan untuk menstabilkan harga tertumpu kepada usaha-usaha menjamin permintaan

yang kukuh dengan memperkenalkan minyak kelapa sawit di dalam pasaran baru dan seterusnya mempertingkatkan eksport di samping mempertahankan pasaran tradisional. Ini adalah kerana harga minyak kelapa sawit bukan sahaja ditentukan oleh penawaran dan permintaan terhadap barangan tersebut di pasaran antarabangsa tetapi juga berkait rapat dengan permintaan, penawaran dan harga minyak sayuran dan lemak lain terutamanya minyak kacang soya. Langkah-langkah ini juga telah diambil untuk menggalakkan eksport minyak kelapa sawit yang diproses dan mempelbagaikan produk dengan kualiti yang terjamin. Di samping itu, Kerajaan sedang berusaha untuk memperkukuhkan lagi Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) di mana getah dan minyak kelapa sawit telah diniagakan. Dengan adanya Bursa ini harga barangan utama tersebut dapat dilindungi nilai di pasaran hadapan dan dengan ini kesan turun naik harga akan dapat dikurangkan.

MUTU PELAJARAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah terperinci yang Kerajaan bercadang untuk mengambil bagi menahan kemerosotan nilai pelajaran di universiti-universiti tempatan serta kelemahan para mahasiswa.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah satu perkara yang subjektif untuk menyatakan nilai atau mutu pelajaran di universiti-universiti telah menurun kerana tidak ada satu

kriteria tertentu yang dapat digunakan untuk mengukur kemerosotan tersebut. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pihak universiti untuk memastikan supaya mutu pelajaran di universiti-universiti di negara ini akan terus meningkat memang sentiasa dijalankan.

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No. 8 pada 24-10-85).

DASAR BELIA NASIONAL

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapakah para belia tidak diberi peluang untuk mengemukakan pendapat mereka tentang perangkaan dasar belia nasional dan hanya cadangan-cadangan agensi-agensi Kerajaan dipertimbangkan. Jika dasar berkenaan adalah bermaksud untuk menghasilkan satu kebudayaan nasional di samping pembangunan serta pengukuhan sumber-sumber belia dalam negara, mengapakah ianya tidak dibincangkan secara terbuka di kalangan awam untuk mendapatkan pandangan orang ramai yang berhak untuk menentukan kebudayaan sendiri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Adalah tidak benar sama sekali anggapan atau tuduhan Yang Berhormat dari Kepong bahawa para belia tidak diberi peluang untuk mengemukakan pendapat mereka tentang penggubalan dasar belia negara dan hanya cadangan-cadangan agensi-agensi Kerajaan sahaja dipertimbangkan.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Kertas mengenai Dasar Belia Negara sebenarnya berpunca dari Majlis Belia Malaysia (MBM), iaitu satu badan yang bertanggungjawab mengko-ordinasikan pertubuhan belia di negara ini. Kertas ini telah pun dibentang dan dibincangkan di

persidangan Majlis Perundingan Belia Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada ahli-ahli Exco MBM, wakil-wakil pertubuhan belia kebangsaan yang bergabung dengan Majlis Belia Malaysia, wakil-wakil Majlis Belia Negeri, wakil-wakil agensi Kerajaan dan orang perseorangan.

Majlis ini telah menerima pada dasarnya kertas tersebut serta mengesyorkan bahawa kertas itu dikaji dengan teliti oleh satu Jawatankuasa yang terdiri dari wakil MBM, pemimpin-pemimpin belia, ahli-ahli akademik serta pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kertas yang telah disemak oleh Jawatankuasa ini kemudiannya telah disampaikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk tindakan yang perlu selanjutnya. Satu Kertas Jumaah Menteri sedang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk dikemukakan kepada Jumaah Menteri tidak lama lagi bagi mendapat keputusan Kerajaan. Memandangkan kepada hakikat ini maka saya berpendapat adalah tidak wajar bagi saya memberikan butir-butir lanjut mengenai kandungan Dasar Belia Negara.

Dasar Belia Negara bukanlah bermaksud untuk menghasilkan satu dasar kebudayaan nasional kerana kita sudah pun mempunyai Dasar Kebudayaan yang Kebangsaan. Dasar Belia Negara adalah satu dasar pembangunan belia yang menyeluruh. Ianya diadakan untuk memberi garis panduan bagi menyusun dan mengendalikan rancangan-rancangan belia negara ini.

**KEMPEN BELILAH BARANGAN
BUATAN MALAYSIA—
SAMBUTAN**

21. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Perdagangan

dan Perindustrian menyatakan setakat mana keberkesanan, sambutan dan hasil kempen “Belilah Barang-barang Buatan Malaysia” di kalangan pembuat dan pengguna dalam negara. Setakat mana kesannya ke atas import, pertukaran wang asing dan pusingan wang dalam negara (international circulation of money).

Dato' Oo Gin Sun: Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian, atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti serantau yang dijalankan menerusi media masa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan daripada pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan

bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran "Anugerah Barangan Cemerlang" mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau "supermarket" di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran barangan buatan Malaysia.

Manakala, dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang esei dan syarahan telah membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini.

Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan "response" yang kita terima, objektif kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

Mengenai soal kesan kempen ini ke atas import, pertukaran wang asing dan pusingan dalam negara ingin saya nyatakan bahawa ia sukar diketahui atau ditentukan. Menentukan kesan kempen dari sudut-sudut itu memerlukan satu kajian mendalam dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan wujudnya perhubungan atau pertalian, sama ada positif atau negatif (positif or negative correlation) di antara kempen dan angkubah-angkubah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kalaupun terdapat perubahan pada angkubah-angkubah tadi, umpamanya, import telah menurun atau kadar pusingan wang telah naik, namun tidak boleh juga dibuat kesimpulan secara langsung bahawa perubahan-perubahan itu adalah semata-mata disebabkan oleh kempen ini saja kerana ada faktor-faktor lain juga dalam environ-

ekonomi yang boleh dan akan mendatangkan kesan ke atas angkubah-angkubah itu. Tambahan pula, perubahan-perubahan seperti itu mengambil masa yang lama sebelum dapat dilihat atau dikesan.

Oleh yang demikian usaha untuk menilai keberkesanan kempen ini, atau apa kempen sekalipun, dengan berdasarkan hipotesis bahawa ada kesannya kempen ini ke atas angkubah-angkubah tertentu bukan hanya akan melibatkan suatu kajian mendalam yang rumit, malah besar kemungkinannya kajian seumpama itu tidak akan setimpal dengan masa, tenaga kerja dan perbelanjaan yang digunakan.

Walaupun tidak dapat diukur kesan kempen dengan cara demikian, saya penuh yakin bahawa usaha-usaha kempen yang melibatkan proses pendidikan dan yang dijalankan secara berterusan akan mewujudkan dan meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna sama ada orang perseorangan mahupun industri dan lama kelamaan akan membawa kepada perubahan nilai dan sikap kepenggunaan di kalangan rakyat ke arah menyokong dan melanggan barangan dan perkhidmatan tempatan dengan adanya usaha-usaha industri tempatan meninggikan mutu keluaran dan menjual barangan atau membekalkan perkhidmatan mereka dengan harga berpatutan.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (30hb Oktober, 1985).

**DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN,
1986**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut (30hb Oktober, 1985).

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas, sila sambung.

3.36 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya pada petang semalam berhubung dengan perbincangan mengenai dasar Belanjawan Negara 1986.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menyebut bahawa salah satu falsafah yang terkandung di dalam Belanjawan Negara pada tahun ini ialah semangat pengorbanan atau sikap berkorban oleh Kerajaan. Ini dapat dilihat daripada cadangan-cadangan yang terkandung di dalamnya di mana Kerajaan telah bersetuju melupakan dan memberi berbagai insentif dan galakan cukai di dalam berbagai sektor sama ada di bidang pertanian, perindustrian dan sebagainya. Sikap yang terpuji ini seharusnya disambut baik oleh semua pihak di samping bersedia memberikan pengorbanan bagi membantu Kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi negara yang sedang terancam.

Di dalam hubungan ini saya berseru khususnya kepada peniaga-peniaga sama ada peniaga-peniaga runcit atau borong yang lazimnya mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan mereka setiap kali Belanjawan dibentangkan di Parlimen ini. Mereka telah menggunakan berbagai helah dengan berselindungkan kenaikan cukai itu dan cukai ini.

Saya berharap tabiat yang seperti ini, iaitu tabiat mementingkan diri ini perlulah dikikis oleh setiap masyarakat dari semua lapisan, janganlah seperti kata pepatah Melayu: Menahan jerat di tempat genting. Akibat dari perbuatan ini timbullah berbagai-bagai desakan daripada orang ramai yang sentiasa berada di dalam kebimbangan apakala Parlimen akan membahaskan Belanjawan Negara, mereka ternanti-nanti kerana seringkali menjadi mangsa oleh peniaga-peniaga ini. Begitu juga kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja di mana keadaan ini telah berlaku begitu tegang di dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini, hakikat yang sebenar memanglah tidak dapat dinafikan.

Adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab kepada semua pemimpin-pemimpin union atau Kesatuan Sekerja untuk membela kepentingan anggota-anggotanya. Tetapi di dalam keadaan yang sama mereka seharusnya menyelaraskan tindak-tanduk dan kegiatan mereka supaya tidak menimbulkan ketegangan di dalam masyarakat, kerana Kerajaan juga sebenarnya telah berkorban di dalam isu tuntutan pelarasan gaji ini, dengan bersetuju memberikan kenaikan gaji sebanyak \$15-\$35 untuk kakitangan dalam Kumpulan "C" dan "D". Akibat dari persetujuan ini Kerajaan terpaksa menambah perbelanjaan negara lebih daripada \$300 juta. Jika hendak dilayan sepenuhnya mengikut apa yang difahamkan, Kerajaan terpaksa berbelanja lebih daripada \$3,000 juta atau \$3 bilion. Kalau hari ini perbelanjaan bayaran gaji kakitangan Kerajaan sudah meningkat kepada \$7 bilion, lebih kurang 35% daripada Perbelanjaan Mengurus jika ditambah \$3 bilion lagi akan meningkat kepada \$10 bilion dan akan menjadi 48%, oleh kerana sebagaimana yang sama-sama kita maklum tidak ada di dalam peraturan mana-mana institusi kewangan di dalam dunia ini yang membolehkan mana-mana Kerajaan atau negara untuk berhutang semata-mata kerana hendak membayar gaji kakitangan mereka.

Inilah hakikat yang sebenarnya mengapa Kerajaan tidak dapat melayan dengan sepenuhnya, tetapi hakikat ini sama ada mahu difahami atau tidak, CUEPACS telah mengambil tindakbalas dengan menyatakan kata dua, jika tidak dilayan tuntutan mereka akan berpiket pada 23hb Oktober yang lalu dan akan mogok pada 1hb November. Cabaran ini telah disambut oleh Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri dengan mengadakan satu mesyuarat khas oleh beberapa orang

Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan dan akibat dari tindakan perusahaan atau mogok oleh kakitangan Kerajaan itu. Keadaan ini menjadi semakin tegang apabila golongan-golongan nelayan, petani, penjaja-penjaja, ahli-ahli parti politik menyatakan hasrat untuk bertindak menunjuk perasaan menentang CUEPACS. Dalam saat-saat seperti ini sungguh membimbangkan kita semua kerana apabila berlaku perbalahan yang seperti ini atau pertelagahan seperti ini, tidak ada mana-mana pihak yang mendapat untung sama ada Kerajaan atau kakitangan Kerajaan atau rakyat, yang tentunya mendapat untung hanyalah musuh-musuh negara. Bak kata pepatah Melayu: Apabila antan dengan lesong berlaga, padi tumpah, ayam yang kenyang.

Walau bagaimanapun, alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah kerana dengan taufik dan kebijaksanaanNya ketegangan yang hampir putus dan retak yang hampir belah itu telah menjadi tenang, suasana yang keruh telah mula menjadi jernih, hasil dari pemikiran yang mantap dan kebijaksanaan di kalangan pucuk pimpinan Kerajaan dan CUEPACS—Syabas.

Yang sebenarnya kerjasama dan perhubungan di antara kakitangan Kerajaan dengan kepimpinan Kerajaan mestilah sentiasa erat dan padu kerana Kerajaan adalah pembuat dasar, manakala kakitangan Kerajaan sebagai pelaksanaan dasar atau melaksanakan dasar Kerajaan, jika rosak perhubungan di antara dua golongan ini, maka rosaklah negara, akibatnya rakyat akan menjadi mangsa. Dengan menyedari dan menginsafi hakikat ini, saya berseru kepada CUEPACS bersabarlah dan pendamkanlah perasaan tidak puas hati itu buat sementara dan simpanlah senjata mogok atau tindakan

perusahaan itu, gunakanlah di waktu yang sesuai agar senjata tidak memakan tuan.

Sebagai langkah untuk menjernihkan suasana yang sudah mula jernih itu, pihak CUEPACS seharusnya menyambut seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan agar kita berkorban untuk melawan kemelesetan dan memerangi kemiskinan. Langkah-langkah yang boleh dibuat oleh CUEPACS ialah dengan menganjurkan kursus-kursus ke arah mempertingkatkan mutu perkhidmatan, daya pengeluaran atau produktiviti anggota-anggota mereka. Jika CUEPACS boleh menganjurkan perjumpaan dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan padu di kalangan anggota-anggotanya untuk meneruskan perjuangannya, mengapa kursus-kursus ke arah mempertingkatkan daya pengeluaran di kalangan anggota-anggotanya tidak dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita seringkali mendengar sungutan-sungutan ramai tentang adanya kecuaiian setengah-setengah kakitangan Kerajaan sama ada di dalam sektor awam ataupun agensi-agensi Kerajaan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku kerana boleh dikatakan semua mereka yang menjawat jawatan Kerajaan adalah terdiri daripada orang-orang yang berpelajaran.

Walaupun golongan-golongan ini tidak ramai tetapi ianya tetap memberikan gambaran yang tidak baik pada masyarakat kakitangan Kerajaan. Masalah ini mungkin sukar diatasi oleh pihak Kerajaan semata-mata. Jika tidak ada kesedaran dan kerjasama dari semua pihak, khususnya pemimpin-pemimpin CUEPACS agar upah yang dituntut itu sepadan dengan khidmat yang

telah diberikan. Kita tidak mahu mendengar istilah seperti kata orang tua-tua, "gaji buta".

Tuan Yang di-Pertua, falsafah sedia berkorban yang dipelopori oleh Kerajaan itu adalah satu sifat yang terpuji dan seharusnya disokong oleh semua pihak kerana pengorbanan itu bolehlah diibaratkan sebagai satu pelaburan rakyat kepada negara untuk mendapat keuntungan kehidupan yang bahagia. Oleh sebab itu, tidaklah rugi kepada sesiapa pun kiranya kita semua akan dapat memberi pengorbanan.

Mungkin ada pihak-pihak yang tidak senang dengan pandangan saya ini dan barangkali di dalam hati kecil mereka bertanya, "Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu apa yang telah dikorbankan?" Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai back bencher atau penyokong Kerajaan ini sudah pun mula berkorban. Ini bukanlah masuk bakul angkat sendiri, di mana kami sekarang ini tidak lagi dibenarkan menuntut apa-apa elaun perjalanan selain daripada menghadiri Parlimen. Walaupun Ahli-ahli atau Wakil Rakyat ini terpaksa, kalau tidak ada sidang Parlimen, menghadiri berbagai-bagai majlis, semuanya adalah hasil dari pengorbanan mereka sendiri. Mereka tidak lagi dibayar apa-apa elaun tetapi itu sebagai satu pengorbanan daripada Wakil Rakyat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah yang kedua dari Belanjawan ini ialah berjimat cermat. Amalan berjimat-cermat ini adalah satu sifat yang murni lagi terpuji. Kata orang tua-tua, "berjimat sebelum habis; beringat sebelum kena. Jangan sudah terantuk baru tengadah, buruk padanya". Oleh itu, sifat berjimat cermat ini yang sudah dimulakan oleh Kerajaan pada awal tahun 1982, seharusnya dijadikan sebagai satu falsafah

Belanjawan Negara yang berterusterusan, bukanlah kerana menghadapi sesuatu keadaan seperti kemelesetan dan seumpamanya.

Untuk mencapai objektif ini, nampaknya Kerajaan telah bertindak mengatitkan berbagai-bagai strategi, di antaranya:

- (1) memberhentikan pembinaan projek-projek mewah. Ini adalah satu langkah yang positif;
- (2) mengurangkan pinjaman di luar negeri;
- (3) menswastakan sektor awam mana-mana yang difikirkan munasabah;
- (4) mengawal keborosan dan pentadbiran wang negara sama ada di sektor awam atau agensi-agensi Kerajaan;
- (5) membekukan pengambilan jawatan-jawatan baru kecuali yang difikirkan mustahak dan sebagainya.

Saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas langkah-langkah yang saya fikir amat bijaksana itu. Saya berpendapat setelah Kerajaan memutuskan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri, Kerajaan perlulah mempertingkatkan dasar pinjaman kepada institusi-institusi kewangan di dalam negeri dengan mengadakan galakan-galakan atau insentif yang lebih menarik dan memuaskan kepada peminjam-peminjam. Langkah ini akan membolehkan Kerajaan mengadakan pembangunan ataupun peruntukan yang cukup ke arah mempertingkatkan pembangunan bagi meninggikan taraf sosio-ekonomi rakyat selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru.

Saya juga berharap di waktu Kerajaan mengamalkan dasar pembekuan pengambilan kakitangan

Kerajaan, hanya di mana yang difikirkan mustahak dari masa ke semasa Kerajaan hendaklah memastikan keperluan-keperluan yang difikirkan benar-benar mustahak oleh orang ramai. Jika boleh, sebuah unit khas hendaklah dibentuk di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya dasar ini tidak membantut pentadbiran dan pembangunan negara. Sepatutnya mana-mana jawatan yang difikirkan benar-benar perlu hendaklah diisi dengan segera, jangan menunggu sampai hampir-hampir setahun atau lebih. Sebagai contoh, umpamanya di kawasan saya apabila Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) ditukarkan pada awal tahun ini, sehingga sekarang belum lagi diganti. Apakah Kerajaan memikirkan bahawa Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) ini tidak penting? Sebenarnya kepada merekalah diamanah dan diharapkan membantu untuk memastikan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya sendiri atas sifat Wakil Rakyat telah menulis surat dalam masalah ini tetapi malangnya hingga sampai saat ini, perkara ini belum diatasi, hanyalah digantikan buat sementara iaitu ditambah bidang tugas kepada seorang PHT atau SO yang ada di situ yang tidak ada pengalaman langsung berkenaan dengan masalah projek pembangunan kerana ia hanyalah bertugas di Jabatan Tanah.

Walaupun ada pepatah mengatakan kalau tidak ada rotan, akar pun jadi, tetapi akar ini akar yang reput, inilah yang menjadi masalah. Kita boleh menerima akar tetapi biarlah akar yang kukuh. Kalau akar yang reput bukan sahaja hendak buat pengikat, ditarik pun putus. Itulah bandingannya. Saya mencadangkan supaya Unit Khas ini dapat memastikan keperluan-keperluan yang seumpama itu.

Sekurang-kurangnya jika ada surat daripada Wakil-wakil Rakyat daripada kawasan-kawasan yang berkenaan walaupun tidak hendak percaya, pergilah siasat betul atau tidak, kerana biasanya Wakil Rakyat ini dia tidak pernah membohong, kerana kepercayaan orang ramai itu adalah perkara yang sangat penting. Dia menang atas sokongan orang ramai. Sekali dia membohong, sekali rakyat tidak percaya, 100 tahun susah dia hendak tebus balik namanya. Oleh sebab itu sempena dengan ucapan saya dalam perbincangan Belanjawan ini walaupun tidak lagi saya menulis surat, saya berharap tidak lama lagi Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) di Pejabat Tanah, Lenggong akan diganti. Saya tidak menuntut lebih, walaupun Lenggong ini sudah dinaikkan taraf, patut diadakan seorang Ketua Penolong Pegawai Daerah tetapi memandangkan keadaan kemelesetan sekarang ini, biarlah, bersabarlah, tetapi Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) ini penting. Dan kalau boleh mereka yang dihantar ke daerah-daerah ini, biarlah orang-orang yang ada pengalaman. Janganlah hanya berdasarkan kelulusan sahaja, kerana tugas-tugas di daerah ini adalah sungguh mencabar. Mereka yang ada pengalaman biasanya dapat menghadapi cabaran-cabaran ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah yang ketiga yang terkandung dalam Belanjawan ini ialah azam Kerajaan untuk mempertingkatkan daya pengeluaran atau produktiviti di semua sektor sama ada awam atau swasta. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini di kalangan swasta pihak Kerajaan telah menawarkan berbagai-bagai galakan cukai yang difikirkan munasabah sama ada di bidang pertanian, perindustrian, perdagangan dan sebagainya. Ini adalah suatu

pendekatan yang baik dan seharusnya disambut baik oleh pihak swasta. Tetapi galakan itu tidak banyak memberi hasil yang positif.

Sekiranya pihak swasta sukar mendapat beberapa perkara-perkara asas seperti kemudahan mendapat tanah untuk tapak pertanian, kesukaran-kesukaran mendapat pinjaman dari institusi-institusi kewangan dan sebagainya. Kesukaran-kesukaran ini adalah merupakan batu penghalang untuk membolehkan pihak swasta bergiat terus bagi menyambut tawaran Kerajaan ini, tetapi yang menjadi masalah kedua-dua perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Pusat. Kalau tanah umpamanya kuasa kepada Kerajaan Negeri, kalau wang kuasa institusi kewangan. Hanya Kerajaan Pusat boleh merayu dan merayu, itu sahaja yang boleh dibuat. Oleh sebab itu suatu perancangan yang teratur perlulah difikirkan bagi menyelaraskan setiap keperluan yang dikehendaki oleh pihak swasta untuk membantu mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Sekurang-kurangnya sebuah Unit Penyelarasan di peringkat pusat hendaklah dibentuk dan dianggotai oleh semua pihak yang terlibat iaitu kakitangan pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, institusi kewangan serta pihak swasta. Badan ini bolehlah diharap akan dapat membantu menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi oleh pihak swasta dari semasa ke semasa.

Di samping itu Kerajaan sama ada Negeri atau Pusat mestilah mencegah seberapa yang boleh mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan untuk membuka perusahaan-perusahaan secara haram sama ada di sektor pertanian ataupun perindustrian, kerana ini bukan sahaja akan merosakkan perancangan pembangunan atau ekonomi negara

tetapi boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial di kalangan orang ramai di samping menjejaskan sumber hasil negara.

Saya tekankan Unit Penyelarasan ini kerana saya tidak ingin mendengar apakala ditanya kepada Kerajaan Pusat, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab, oleh kerana perkara ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, pihak Kementerian saya akan cuba berhubung dengan Kerajaan Negeri—“akan cuba”. Yang saya minta sekarang ini supaya hubungan ini dibuat daripada awal-awal lagi. Jawapan yang diberi biarlah lebih positif, janganlah negatif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran dan perkhidmatan di sektor awam supaya benar-benar menjadi Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, saya mencadangkan yang pertama kursus kefahaman nilai-nilai Islam hendaklah dipertingkatkan meliputi semua kakitangan Kerajaan terutama kepada mereka yang diamanahkan menjadi Ketua-ketua Jabatan atau boss-boss di semua peringkat, Pusat, Negeri dan Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, punca yang menimbulkan nilai-nilai negatif di kalangan setengah-setengah kakitangan Kerajaan ialah kerana mereka tidak ada suatu pegangan hidup yang kukuh, mereka merasa begitu bebas dan tidak ada suatu sekatan yang boleh menghalang segala kehendak mereka lebih-lebih lagi yang sudah menjadi boss-boss.

Pada hal mengikut atau jika dilihat dari kaca mata Islam jawatan yang disandang itu merupakan suatu amanah Allah dan juga rahmat daripada Allah s.w.t., amanah dan rahmat Allah itu boleh terlucut pada bila-bila masa sahaja jika tidak digunakan dengan sebaik-baiknya.

Hakikat ini dapat dilihat dari beberapa contoh-contoh yang berlaku setiap hari di dunia ini, umpamanya sudah berapa banyak ketua-ketua polis yang ditangkap walaupun ia pernah mengeluarkan perintah untuk menangkap orang lain, tiba masanya dia pula yang ditangkap. Sudah berapa ramai ketua-ketua pejabat yang telah diambil tindakan tatatertib walaupun dia pernah mengenakan tindakan tatatertib kepada kakitangannya tetapi apabila tiba masanya dia pula dikenakan tindakan tatatertib dan berbagai-bagai contoh lagi.

Selain daripada amanah dan rahmat Allah jawatan yang disandang oleh seseorang kakitangan itu juga adalah merupakan suatu kewajipan atau fardu kifayah, bermakna ianya merupakan satu ibadah mengikut pandangan Islam. Ertinya jika tugasnya dilakukan semata-mata kerana Allah atau dengan bahasa yang mudah dengan tulus ikhlas maka dikira sebagai satu pahala yang besar. Di sebaliknya jika tidak dilakukan dengan sempurna atau kata orang tua-tua “curi tulang” maka itu adalah suatu kesalahan di sisi Allah atau dosa. Dan jika ia yakin dengan sebenar-benar yakin bahawa sungguhpun dia berjaya merahsiakan setiap perbuatannya sama ada yang lahir atau yang batin daripada pengetahuan manusia tetapi ia tetap gagal untuk mengelakkan daripada pengetahuan Allah yang maha kuasa lagi maha melihat. Jika ia benar-benar yakin setiap perbuatannya pasti akan dinilai oleh Allah s.w.t. jika baik dibalas baik dan jika jahat dibalas jahat, saya fikir jika apa yang saya sebutkan itu menjadi etika kerjanya sudah pasti seorang itu akan bekerja seperti mana yang diharap-harapkan oleh pemerintah dan juga rakyat seluruhnya.

Jika mereka tidak yakin bahawa Allah itu berkuasa, dengan sebenar-benarnya Allah itu melihat dengan

sebenar-benarnya inilah menyebabkan mereka begitu berani melakukan apa sahaja yang diarahkan oleh hawa nafsu. Walaupun mereka mempunyai ilmu yang tinggi tetapi jiwanya kosong. Mereka tidak upaya melawan sebarang cabaran dan angkara yang datang. Mereka sudah tidak tahu untuk memilih yang mana intan dan yang mana batu. Sebab itulah kadang-kadang kita dengar seorang yang berkelulusan doktor sanggup menipu orang ramai, lawyer sanggup menipu orang ramai. Sebab ilmu yang didapati itu bercanggah dengan kehendak Islam. Ilmu yang manfaat kepada Islam ialah semakin tinggi ilmunya semakin takut ia kepada Allah. Inilah pentingnya penerapan nilai-nilai Islam.

Dalam Islam yang dipandang Tuhan bukan kelulusan, bukan rupa paras tetapi ialah hati. Semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang takwa yakni takut kepada Allah. Sebab itu saya menekankan penerapan nilai-nilai Islam ini mesti dipertingkatkan untuk memberi kesedaran yang hakiki akan tujuan yang sebenarnya manusia ini dilahirkan ke dunia, sebagaimana Allah berfirman: yang bermakna—Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada Allah. Jadi, kalau dia mendapat ilmu, mendapat pangkat semakin berani dia melawan Tuhan maka dia sudah lari daripada tujuan hidup yang hakiki mengikut pandangan Islam.

Sepatutnya sebagaimana saya katakan, semakin tinggi ilmunya, semakin tinggi pangkatnya, semakin banyak duitnya semakin takut kepada Allah. Kalau inilah sifatnya dapat dijadikan satu pedoman, satu pegangan di dalam jiwa tiap-tiap pegawai Kerajaan, terutama yang menjadi bos-bos. Saya yakin dan percaya Malaysia akan dapat menunjukkan satu pentadbiran yang benar-benar cekap, bersih dan amanah seperti yang diharapkan oleh

pucuk pimpinan Kerajaan. Jika tidak, slogan ini hanya akan dihanyut oleh zaman dan akan tercatat di dalam sejarah atau tertulis di atas kertas tidak dapat dihayati dengan sepenuhnya.

Yang kedua, dalam usaha mempertingkatkan produktiviti kakitangan di sektor awam ini, kursus-kursus perkhidmatan juga mestilah dipertingkatkan kepada semua kakitangan Kerajaan tetapi setiap kursus itu hendaklah diselaraskan dengan bidang tugas masing-masing. Umpamanya kalau Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan) selain daripada kursus perkara-perkara pentadbiran am mereka juga seharusnya diberi kursus asas yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan seperti perkara-perkara yang ada hubung-kaitnya menyediakan anggaran sesuatu projek. Dan juga perkara-perkara yang ada hubung-kaitnya dengan pemborong dan sebagainya. Untuk menjimatkan belanja Kerajaan di bawah falsafah berjimat cermat, Kerajaan patutlah menyelaraskan supaya kakitangan-kakitangan agensi Kerajaan juga dilibatkan dalam setiap kursus yang dianjurkan. Jangianlah dibiarkan mereka mengadakan kursus yang berasingan, kerana ini sudah tentu akan menambahkan lagi perbelanjaan mengurus negara.

Yang ketiga, aturan dan peraturan yang dibekalkan kepada ketua-ketua jabatan itu mestilah dipraktikkan dengan secara lebih berkesan. Umpamanya, jika ada mana-mana kakitangan yang perlu diambil tindakan tatatertib, tindakan mestilah diambil. Dan jika ada di antara mereka yang perlu dibuang kerja—diberhentikan, ditamatkan perkhidmatan mestilah ditamatkan perkhidmatan tanpa memilih bulu supaya kita benar-benar menjadi Kerajaan yang amanah. Kalau Parlimen sudah memberi amanah

menyuruh kita mengambil tindakan, kita tidak ambil, itu bermakna sudah tidak amanah. Kerana walaupun bilangan mereka ini kecil tetapi kita bimbang sedikit-sedikit kata orang tua-tua lama-lama menjadi bukit. Jika gejala-gejala buruk ini dibiarkan mungkin satu hari akan menjadi satu wabak yang boleh melanda kakitangan Kerajaan ini. Jika wabak ini telah menyerang, akan lumpuhlah seluruh jentera Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan perkara ini kerana kakitangan Kerajaan itu adalah merupakan salah satu nadi pembangunan negara. Kalau nadi ini sudah tidak berfungsi lagi, maka musnahlah negara. Kalau nadi penggerak sudah tidak berfungsi lagi seluruh dasar pembangunan yang dirancang itu sudah tidak bermakna lagi. Oleh itu, saya berseru kepada semua kakitangan Kerajaan supaya mereka menyedari hakikat ini dan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi yang baik, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan teruskan amalan-amalan anda yang murni itu kerana bagi kita orang-orang Islam khususnya, setiap tugas yang dibuat kerana Allah itu sudah pasti hasilnya kita akan dapat melabur dalam dua bentuk saham: satu Amanah Saham Nasional (ASN) dan satu lagi ASA—Amanah Saham Akhirat. Dua-dua kita dapat, beruntunglah mereka yang jujur, bersih, cekap dan bertanggungjawab. Syukur, kerana tugas anda semua adalah merupakan ibadah, mengikut pandangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mempertingkatkan produktiviti di kalangan kakitangan di sektor awam dan juga hendaklah memerhati dan mengesan dengan secara jujur dan ikhlas, bersih dari sebarang perasaan yang negatif, iaitu jika didapati mana-mana agensi Kerajaan yang sudah tidak berfungsi lagi eloklah ditutup

sahaja dan segala kegiatannya disatukan atau diletakkan di bawah mana-mana agensi yang aktif dan berekonomi kerana tindakan ini akan memberi banyak faedah:

- (1) akan memberikan satu kesedaran dan pengajaran kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dan amanah;
- (2) dapat menyelamatkan kerugian yang berterusan oleh negara;
- (3) dapat mempertingkatkan daya pengeluaran negara di sektor ini;
- (4) dapat mengurangkan hutang negara; dan
- (5) kita benar-benar mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh masalah pelajaran. Kata orang bijak pandai pelajaran atau ilmu pengetahuan itu adalah suluh hidup. Kata-kata ini memang benar kerana mereka yang mempunyai ilmu bukan sahaja dapat menjalani hidup di dunia ini dengan sempurna dan kebahagiaan di akhirat, insya Allah, iaitu bagi orang-orang yang beriman, akan tetapi manusia yang berjaya memiliki ilmu malah lebih kuat dari segala makhluk, sama ada di darat, di laut atau di udara. Misalnya, kalau kuda mengakui dirinya kuat berlari, ia tetap tinggal jauh di belakang apabila manusia berada di atas Proton Saga. Kalau burung mendakwa ia mampu terbang tinggi dan jauh, ia tetap keciwa apabila manusia berada di atas pesawat MAS, dia tidak akan dapat mengatasi MAS yang terbang 30,000 kaki tinggi sedangkan burung berapa ratus kaki sahaja. Kalau ikan mendakwa ia lebih tangkas berenang dan menyelam ke dasar laut, ia tetap kagum kalau manusia berada di atas kapal laut atau kapal selam. Kalau gajah kata dia kuat menarik balak, dia

tetap mengaku kalah dengan kekuatan lori kayu yang dipandu oleh manusia. Itulah di antara kelebihan manusia yang berilmu. Tidak ada makhluk yang boleh melawan manusia. Sebab itu Allah menjadikan manusia ini adalah sebaik-baik makhluk di muka bumi ini.

Mengikut kaca mata Islam, menuntut ilmu itu adalah suatu yang wajib, fardu ain. Di samping itu, jika dilakukan dengan kerana Allah, ianya merupakan satu ibadah, satu amal salih yang amat besar. Tetapi hari ini kalau kita tanyakan kepada kanak-kanak di sekolah, apa fasal awak datang sekolah? Apa fasal awak mengaji? Macam-macam jawapan yang kita terima. Dia kata, pak dia suruh. Kamu fasal apa datang sekolah? Fasal semua kakak-kakak pergi sekolah, dia sudah cukup umur 7 tahun bolehlah pergi ke sekolah. Fasal apa kamu pergi sekolah? Semua orang pergi sekolah, dia tak seronok duduk di rumah seorang. Itu jawabnya. Ini bermakna anak-anak ini sudah salah dipandu tujuan belajar, pada hal di dalam Islam menuntut ilmu itu wajib. Anak-anak perlu diberi penjelasan bahawa menuntut ilmu itu wajib, kalau tidak buat, berdosa. Fasal apa awak menuntut ilmu? Sebab menjunjung titah perintah Allah, dapat pahala. Jadi, setiap langkah yang dia pergi ke sekolah, setiap patah tulisan perkataan yang ditulis di sekolah semuanya merupai ibadat kerana dia menjalankan titah perintah Allah.

Kalau anak-anak sudah yakin bahawa mereka belajar itu satu ibadat, satu perbuatan yang dituntut oleh agama, saya rasa tidaklah teruk-teruk sangat ibu bapa hendak mengerah anaknya pergi ke sekolah kalau ini sudah tersemat dalam hati sanubari. Tetapi berapa ramai orang-orang Islam yang menjelaskan kepada anak-anak mereka sebagai asas untuk

mereka meyakini setiap kejadian ini, setiap keadaan ini terletak di bawah kuasa Allah subhanahu wa taala. Nabi pernah bersabda, yang bermaksud: "menuntut ilmu itu adalah wajib pada tiap-tiap Muslim". Daripada sabda inilah yang saya maksudkan adalah menuntut ilmu itu sesuatu yang wajib.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari usaha yang gigih dan kesedaran yang tinggi, Kerajaan telah berjaya mempengaruhi masyarakat di negara ini tentang peri mustahaknya anak-anak mereka diberi pelajaran. Ini adalah dibuktikan dari nisbah kemasukan murid-murid sekolah rendah sekarang ini ialah 95%. Hingga setakat ini Kerajaan telah berjaya mendirikan sebanyak 7,479 buah sekolah bagi menampung keperluan murid-murid sekolah rendah seramai 2,158,000 orang dan di sekolah menengah rendah seramai 1,261,000 orang, dengan tenaga pengajar seramai 106,698 orang. Ini bermakna lebih 3 juta anak-anak yang berada di sekolah atau di bangku Sekolah Rendah dan Menengah sekarang. Bagi menampung keperluan pelajar-pelajar di bahagian tinggi pula, Kerajaan terpaksa mendirikan 7 buah universiti bagi keperluan 37,557 orang pelajar dengan tenaga pengajar seramai 17,475 orang dan pelajar-pelajar di seberang laut seramai lebih kurang 40,000 orang. Ini bermakna pelajar-pelajar kita di bahagian tinggi lebih daripada 70,000 orang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun berbagai-bagai method, dengan izin, atau kaedah mengajar telah kita berikan kepada para tenaga pengajar kita, walaupun berbagai-bagai konsep pendidikan telah kita cuba dan kita laksanakan di sekolah-sekolah, walaupun pembangunan fizikal telah kita binakan, kalau zaman saya belajar dahulu bangunannya ala kandang

kambing, darjah satu, darjah dua, darjah tiga bersila di atas lantai, tetapi hari ini Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan yang memikirkan ilmu ini adalah penting telah berjaya mendirikan bangunan-bangunan batu yang indah tersergam, lengkap dengan kerusi meja, kipas angin, lampu dan sebagainya, manakala untuk memenuhi keperluan sains berbagai-bagai makmal sains telah dibuat dengan belanja berjuta-juta ringgit.

Tetapi kita sungguh merasa keciwa melihat pencapaian anak-anak kita terutama kaum bumiputera di bidang akademik dan yang lebih menyayat hati apabila kita mendapat laporan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang disampaikan oleh Ketua Penolong Petugas Anti Dadah di upacara perasmian kursus Kesedaran Anti Dadah anjuran Pergerakan Kaum Wanita UMNO Cawangan Medan Bonus di Dewan Makan, Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur iaitu pada masa ini terdapat 27.3% belia berumur 15 tahun menjadi penagih dadah di negara ini. 27.3% daripada 106,000 penagih dadah bukanlah suatu angka yang kecil. Dan 78% daripada mereka itu berumur 20 sehingga 34 tahun. Bolehlah kita gambarkan berapa ratus ribu anak-anak kita yang sudah terlibat. Jika dikaji dari segi nisbah umur persekolahan anak-anak yang berumur 15 tahun itu baru berada di Tingkatan Tiga untuk mengambil peperiksaan sijil SRP dan 20 tahun berada di tingkatan Enam Bawah yang bakal masuk ke universiti.

Saya menyokong penuh apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis mengenai dadah pada hari semalam. Oleh sebab itu, saya bimbang gejala-gejala buruk yang sedang melanda anak-anak di sekolah ini jika tidak diberi perhatian yang serius kita tidak tahu bagaimana sikap,

watak generasi bangsa kita di masa akan datang kalau mereka sudah terlibat dengan dadah. Hakikat ini kita perlu menerimanya.

Tujuan saya mendedahkan perkara ini bukanlah hendak memburuk-burukkan pihak yang terlibat dengan pelajaran ini, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Pelajaran. Saya bercakap dengan tulus ikhlas kerana tidak saya cakup, saya akan disoal di depan Kadi Raful Jalil di Yaumil Mahsyar kelak. Inilah keyakinan hidup saya. Tujuan saya supaya kita dapat mencari jalan keluar yang lebih baik dan sempurna supaya menerusi pelajaran ini kita dapat melahirkan suatu generasi yang cerdik dan kukuh jiwanya supaya dapat melawan sebarang cabaran yang melanda dirinya.

Kita tidak mahu anak-anak yang berilmu tetapi berjiwa lemah seperti sekarang ini walaupun sudah diberi ilmu tetapi oleh kerana jiwanya lemah mereka tidak dapat melawan pengaruh luar yang merosakkan. Pada hemat saya wujudnya keadaan yang kurang menyenangkan itu kerana pengawasan yang diberi tidak mencukupi terutama dari segi pendidikan sama ada di sekolah ataupun di rumah ataupun oleh masyarakat sendiri, kerana sudah menjadi suatu falsafah secara tidak langsung kita lebih menumpukan ilmu pengetahuan yang berfalsafahkan belajar untuk lulus peperiksaan. Inilah akibat anak-anak kita. Ibu bapa, masyarakat yang mereka hendak tahu hasil dari pelajaran anaknya lulus atau tak lulus. Ke mana tempat dihantar, ke universiti dalam atau luar negeri. Kalau orang Islam dia tak peduli anak itu sembahyangkah, mencurikah, asal boleh lulus cukup. Inilah yang merosakkan. Oleh itu perhatian yang serius dalam bidang pelajaran ini perlu difikirkan dari sekarang.

Saya mencadangkan supaya struktur Kementerian ini dikaji semula dan kalau boleh diasingkan bahagian tinggi dengan bahagian rendah dan menengah. Untuk mengasingkan kedua-dua bahagian ini nama Kementerian itu juga perlu diubah.

Saya mencadangkan kalau boleh, pertama, dinamakan Kementerian Pendidikan. Kementerian ini bertanggungjawab kepada sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, sekolah menengah vokasional dan maktab perguruan.

Yang kedua, kita namakan Kementerian Pelajaran Tinggi. Kementerian ini hendaklah bertanggungjawab kepada tujuh buah universiti dalam negeri, Kolej Tunku Abdul Rahman dan Institut Teknologi MARA serta pelajar-pelajar di seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, amalan ini bukanlah suatu yang aneh dan ganjil, kerana banyak negara-negara membangun dan maju di dunia ini sudah lama mengamalkan dasar ini. Umpamanya negara-negara di Asia Barat seperti di Libya, Mesir dan Jordan telah pun mengasingkan pentadbiran bahagian tinggi daripada bahagian rendah dan menengah. Malah di Indonesia pun sudah mengamalkannya walaupun namanya yang agak ganjil sedikit dipanggil Direktoret Pelajaran Tinggi yang diletakkan di bawah pengawasan Bapak Presiden.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kemelesetan sekarang ini mungkin ada pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan pandangan saya. Pada pandangan saya perkara ini tidaklah begitu sulit, kerana dari segi peruntukan pada tahun 1986 Kementerian Pelajaran telah diperuntukkan sebanyak \$5,023,423,380. Ini merupakan suatu peruntukan yang terbesar sekali jika dibandingkan dengan lain-lain

Kementerian. Jika dikaji dari segi nisbah peruntukan kepada Kementerian-kementerian, peruntukan kepada Kementerian Pelajaran telah melebihi peruntukan 14 buah Kementerian yang ini termasuk di antaranya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Penerangan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Buruh, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kehakiman dan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Jika dijumlahkan peruntukan 14 buah Kementerian itu ia hanya baru \$4,529,314,709, masih kelebihan sebanyak \$104,109,590. Soal wang saya rasa tidaklah menjadi masalah yang berat.

Masalah kedua, mungkin sukar untuk mengadakan satu portfolio yang baru. Ini juga saya rasa tidak menjadi masalah. Buat sementara waktu, pelajaran tinggi atau sebaliknya bolehlah diserapkan di bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri dan kebetulan pada hari ini ada seorang daripada dua orang Menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri dan seorang daripadanya masih belum ada apa-apa portfolio. Mereka akan dibantu pula oleh tiga orang Timbalan-timbalan Menteri.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, di Indonesia, pentadbiran bahagian pelajaran tinggi ini diletak di bawah Bapa Presiden. Apa salahnya kalau di Malaysia diletak pula di bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri. Saya berpendapat dengan mengasingkan pentadbiran pelajaran

ini, saya yakin banyak masalah boleh diatasi. Walaupun kita tidak mungkin berjaya mengatasi masalah secara mutlak kerana masalah itu datangnya daripada manusia. Selagi manusia masih bernama manusia, selama itu masalah tidak akan dapat diselesaikan oleh manusia. Jadi tentang masalah memang boleh berlaku. Satu masalah yang diselesai kadang-kadang timbul 10 masalah yang baru. Apa yang lebih penting ialah nasib masa depan jenerasi Malaysia akan datang. Dengan adanya dua bahagian pentadbiran di sektor pelajaran ini, kita berharap perhatian yang lebih akan dapat diberikan oleh mereka yang diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang suka saya sentuh ialah mengenai dadah. Sebentar tadi kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang masih ramai lagi jumlah mereka yang terlibat dengan dadah, beratus-ratus ribu orang. Selama ini memanglah tidak dinafikan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat itu, berbagai-bagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan bagi mencegah sama ada pihak pengedar-pengedar ataupun pada golongan penagih-penagih. Di antaranya kita telah mengadakan undang-undang yang paling berat iaitu undang-undang mati gantung jika terdapat sabit kesalahan kepada pengedar-pengedar dadah. Kita juga telah adakan pusat-pusat rawatan bagi merawat mereka yang terlibat. Tetapi walau bagaimanapun jika dilihat dari segi kesungguhan Kerajaan, kita nampak masih ada lagi ruang-ruang yang ketinggalan kerana hari ini hanya beberapa Kementerian sahaja daripada sebanyak 23 Kementerian Kerajaan yang benar-benar secara aktif menentang dadah. Mungkin Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kebajikan Masyarakat,

Kementerian Penerangan, Kementerian Pertahanan, empat buah daripada 23 Kementerian yang ada.

Walaupun pengisytiharan telah dibuat untuk memerangi dadah, kempen anti dadah pada tahun 1983 tetapi keadaannya masih menggerunkan kita. Saya berharap seberapa banyak Kementerian perlulah dilibatkan. Pertama Kementerian Kewangan, mestilah mengadakan peruntukan yang sewajarnya khusus untuk memerangi dadah. Kepada Kementerian Penerangan pula, saya rasa pendekatan-pendekatan yang dibuat di dalam Televisyen perlu dikaji. Hari ini banyak ditunjuk gambar-gambar lukisan mereka yang terkena dadah. Saya rasa cara yang agak lebih berkesan mengapa kita tidak mengadakan program yang khusus untuk mengambil mereka yang sudah insaf, yang sudah pulih daripada penagihan dadah di pusat-pusat pemulihan kita untuk memberi ceramah menceritakan pengalamannya di dalam Televisyen supaya cerita-cerita yang lahir dari pengalaman ini akan dapat mempengaruhi pendengaran, perhatian masyarakat umum. Tetapi kalau orang lain atau pegawai-pegawai bercakap mengenai dadah tetapi teori sahaja, tentulah kesannya kurang. Ini saya rasa belum lagi dibuat oleh pihak Televisyen. Yang Berhormat Menteri Penerangan ada di dalam Dewan ini, saya berharap akan menimbang pandangan saya ini jika difikir munasabah. Barangkali Yang Berhormat nanti bertanya soal duit. Saya katakan tadi, soal duit, Menteri Kewangan patutlah menyediakan peruntukan. Kita mesti perang habis-habisan dadah. Jangan cakap sahaja, buat betul-betul.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Timbalan Menteri ada di sini, patutlah juga mengambil bahagian yang aktif kerana mereka

ada kumpulan-kumpulan sasaran yang berpotensi iaitu ahli JKKKK—empat “K”. Mereka boleh menggunakan sumber ini tetapi di Kementerian itu hendaklah menubuh suatu unit anti dadah yang akan dapat memberi perhatian bagi mengkaji merancang sesuatu tindakan dan gerakan bagaimana dapat disalurkan kepada pengerusi dan ahli-ahli JKKKK di seluruh negara yang mempunyai anggota beribu-ribu orang supaya mereka bangun serentak menyerang dadah di mana sahaja di dalam kawasan mereka.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, ada Setiausaha Parlimennya, mereka juga boleh memberikan sokongan yang aktif. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tak ada di sini? Saya macam tak ada di sini? Silakan.

Dato Haji Saidin bin Mat Piah: Maaf, saya akan berhadap kepada Tuan Yang di-Pertua. Mereka juga boleh memberikan sokongan yang aktif kerana mereka mempunyai kemudahan golongan sasaran yang berpotensi menerusi FELDA, FELCRA, RISDA yang ada pegawai-pegawai perhubungan ataupun pegawai-pegawai kebajikan penerokanya.

Melalui sumber ini boleh dirancangan bagaimana gerakan-gerakan boleh dibuat, program-program, boleh dibuat sekurang-kurangnya membawa penagih-penagih dadah yang sudah insaf, sedar, pulih, bawa pergi ke rancangan-rancangan FELCRA, FELDA, bersyarah, ceritakan pengalamannya biarlah diketahui oleh peneroka-peneroka, kerana dadah ini bukan sahaja di sekolah, sudah masuk ke setiap sektor tubuh masyarakat, dalam Polis, dalam Tentera, dalam sekolah, kakitangan Kerajaan di sektor awam, swasta, rancangan-rancangan tanah, di

kampung-kampung dan pasar-pasar minggu, di mana-mana ada dadah sekarang.

Sebab itu kita mestilah bangun serentak untuk memerangi dadah, kerana dadah sekarang ini sudah dianggap sebagai musuh nombor satu yang berbahaya dan sudah diterima oleh masyarakat antarabangsa bahawa dadah adalah musuh manusia sejagat. Oleh sebab itu jika kita benar-benar mahu melahirkan satu jenerasi yang bermakna, anak-anak muda yang berguna, seharusnya kita memandang dadah ini sebagai satu musuh yang benar-benar seperti mana kita menentang komunis dalam tahun 1950an yang dianjurkan oleh bekas Perdana Menteri Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sewaktu menentang gerakan gerombolan-gerombolan komunis Malaya dahulu.

Seluruh rakyat bangun serentak sekurang-kurangnya berarak menuju di mana terdapat sasaran-sasaran komunis untuk menyeru mereka menyerah diri di bawah konsep rakyat baik. Akhirnya di dalam tempoh tiga tahun selepas kita merdeka (1957-1960) Tanah Melayu sudah dapat mengisytiharkan kepada dunia sebagai sebuah negara yang bersih, kawasan putih dari Perlis sampai ke Johor Bharu.

Pada hal pihak British sewaktu mula-mula menentang komunis pada tahun 1948 sampai tahun 1959 selama 12 tahun belum berjaya tetapi kita dalam tempoh tiga tahun sudah berjaya. Inilah yang mengkagumkan Mat Salleh—Mat Salleh sebab peperangan kita menerusi semangat bukan dengan menggunakan senjata kerana senjata sahaja tidak boleh mematahkan cita-cita manusia. Walau bagaimana kuat, gagah, bijak, pandai dan cekap—lihatlah, nasib yang diterima oleh Amerika dalam peperangan di Korea, dalam

peperangan dengan rakyat di Vietnam, mereka tewas. Sebab itu senjata sahaja tidak boleh menjamin kemenangan kita. Yang penting ialah membangkitkan kesedaran-kesedaran di kalangan rakyat kita.

Kalau ibu bapa seluruhnya hari ini bangun serentak, saya percaya usaha membenteras dadah, insya Allah lambat laun akan berjaya.

Yang menjadi anih sekarang ini kadang-kadang apakala anak-anak ini sudah pulih daripada pusat-pusat pemulihan, balik ke pangkuan masyarakat, ada di antara ibu bapa-ibu bapa ini tidak mahu menerima anak-anaknya sebagai keluarga mereka, ada yang sampai saya dengar dengan telinga sendiri kononnya ini bukan anak dia lagi, tak mengaku anak. Bagaimanakah ibu bapa boleh menafikan bukan anaknya? Mungkin di dunia dia boleh bercakap demikian, tetapi bolehkah dia berkata di hadapan Tuhan, ini bukan anak dia?

Ini bukan cara penyelesaian dan anak-anak ini terbiar dan ada pula di antara anak-anak ini apabila masuk dalam kumpulan-kumpulan masyarakat ada pula anggota masyarakat itu melarang orang-orang lain bergaul: Jangan berkawan, itu penagih dadah, jangan kawan dia. Pada hal dia sudah pulih.

Akhirnya timbullah rasa keciwa anak-anak ini, pergi sana orang tak terima, pergi sini pun orang tak terima, apatah lagi pula kalau hendak meminta kerja. Diketahuinya ada rekod dadah—permohonannya ditolak. Ini penagih dadah, tak boleh bekerja, walaupun penagih itu telah pulih. Sebab itulah saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini dan saya juga pernah bercakap dalam Perhimpunan Agung UMNO sebagai Wakil UMNO Negeri Perak supaya Kerajaan mengadakan satu projek perancangan perkampungan kepada golongan-golongan ini. Pilih satu-satu

kawasan tanah, sama ada tanah kelas satu, ataupun tanah kelas dua, tiga, umpamanya sekarang ini apa keperluan negara, kita mahu eksport sayur, kerana Singapura import sayur \$3 billion setahun dari luar negeri, kita carilah tanah kosong, kawasan tanah lombong yang terbiar atau tanah-tanah yang terbiar, buat satu perkampungan di situ. Mana-mana orang yang sudah pulih, hantar masuk ke sana, jangan hantar balik ke kampung, biar mereka buat kerja tanam sayur dan sebagainya. Hasil daripada itu kita akan mendapat satu pulangan kepada negara. Apa yang kita buat sekarang ini ibarat kita takung air, kita buka paip, keluar air setiap masa.

Kalau begitu kaedahnya sampai bilakah kita hendak cukup belanja. Tak ada air yang masuk, macam mana air hendak penuh. Yang pentingnya kita masukkan 10 paip, biar satu lubang keluar. Kita buat kawasan-kawasan besar atau cari tanah seribu, dua ribu ekar, bukakan perkampungan di sana. Adakan bengkel-bengkel dan sebagainya atau tanam dengan pokok-pokok buah-buahan atau sayuran, apa yang kita hendak, kita boleh corakkan, kita boleh arahkan mereka bekerja, kita latih dan hasil usaha mereka ini dapat memberikan sumbangan kepada negara.

Rancangan ini belum lagi dibuat, apa yang kita buat hanya kita tambah pusat-pusat pemulihan, perbelanjaan bertambah tahun demi tahun hasilnya tidak menggalakkan. Sesudah dilatih, balik ke kampung, dan kadang-kadang mereka berbalik semula kepada tabiat asalnya menghisap dadah dan terpaksa dimasukkan semula, ke pusat pemulihan. Sampai bilakah masalah ini akan selesai.

Kemanakah anak-anak ini hendak pergi? Tetapi cakap saya ini macam mencurahkan air ke daun keladi.

Namun demikian sebagai anggota Dewan yang bertanggungjawab, Malaikat menjadi saksi, saya terpaksa bercakap atas masalah ini untuk perhatian Kerajaan.

Kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pendekatan-pendekatan yang mereka lakukan sekarang ini memang boleh diteruskan dengan mengadakan Pasukan Anti Dadah dan sebagainya tetapi kita mahu diperingkatkan lagi, kakitangan-kakitangan yang boleh membuat rondaan-rondaan di segenap ceruk dan penjuru, kawasan-kawasan yang disyaki. Kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah juga, mestilah turut sama melibatkan diri. Timbalan Menterinya ada di sini, kerana di dalam bandar-bandar ini banyak terdapat sarang-sarang dadah. Mereka mestilah mengadakan unit-unit untuk menentang dadah di bawah tanggungjawab Kementerian itu.

Setakat hari ini kita belum pernah mendengar apakah program-program mereka terhadap penyalahgunaan dadah. Yang kita tahu, bukanlah hendak puji depan-depan, Yang Berhormat Menteri Penerangan, kebetulan sebagai Presiden PEMADAM beliau cukup banyak bercakap, walaupun badannya kecil tetapi jiwanya besar—syabas! Kita mahu lebih ramai lagi orang-orang yang seperti ini yang sanggup tegak di tengah-tengah masyarakat menentang musuh negara dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyentuh berkenaan dengan bank. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah menyentuh berkenaan dengan Dasar Bank. Dalam hubungan ini saya suka saya memetik sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat itu, dengan izin:

“Pindaan-pindaan ke atas Akta Bank dan Akta Institusi Kewangan yang lain yang sedang dipertimbang

sewaktu sidang Parlimen ini adalah bertujuan memperkukuhkan lagi sistem bank di negara ini. Ianya juga bertujuan menjadikan bank-bank dan institusi-institusi kewangan lebih bertanggungjawab kepada orang ramai”.

Saya ingin menekankan bahawa Kerajaan adalah berkewajipan mewujudkan satu sistem bank yang teguh dan sihat dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan sistem tersebut. Selaras dengan ini beberapa rancangan dan program telah pun diatur untuk memodenkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan bank. Saya cuba menonjolkan perkara ini kerana ada pihak Pembangkang cuba hendak menghalang pihak Kerajaan mengemukakan Akta Bank ini.

Langkah ini adalah sesuatu yang sungguh membina kerana selama ini sudah tidak menjadi rahsia umum lagi bahawa dengan terdapatnya beberapa kelemahan di dalam undang-undang kawalan ke atas bank dan institusi kewangan. Dengan sebab itu wujudlah satu kelompok manusia yang bermaharajalela di dalam perkhidmatan bank. Mereka membelanjakan dan menguruskan wang orang ramai seolah-olah seperti wang mereka sendiri. Mereka menggunakan berbagai-bagai agen untuk menambah kekayaan. Mereka bertindak seolah-olah bank itu sebagai sebuah Kerajaan di dalam Kerajaan. Contohnya, seperti apa yang berlaku kepada Bank Rakyat dan BMF. Semua orang tahu bank adalah merupakan salah satu nadi pembangunan sesebuah negara. Jika ia dibenarkan beroperasi tanpa kawalan yang sewajarnya, maka musnahlah pembangunan dan hancurlah negara.

Kita berharap kata-kata Yang Berhormat itu akan dapat dikotakan setelah kuasa diberi oleh Dewan yang

mulia ini kelak. Mereka yang sudah biasa dengan tabiat bermaharajalela dahulu sudah tentu tidak akan merasa senang dengan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan. Kita juga berharap supaya mereka yang telah diamanahkan untuk mengawasi perjalanan bank dan institusi-institusi kewangan itu, rakyat atau pelanggan-pelanggan bank tidak lagi akan menjadi mangsa, seperti kata pepatah Melayu: Keluar mulut harimau, masuk ke mulut buaya. Kita berharap kepada mereka yang bersifat tidak amanah dan tidak bertanggungjawab akan menyedari dan menginsafi bahawa perkara yang buruk itu walau bagaimana bijak sekalipun mereka menyembunyikannya daripada pengetahuan orang ramai, tetapi mereka mesti yakin mereka pasti gagal untuk menyembunyikan daripada pengetahuan dan penglihatan Allah subhanahu wata'ala.

Oleh sebab itulah sebagaimana yang saya sebut pada ucapan saya tadi bahawa setiap perkara yang buruk itu sudah pasti lambat laun akan diketahui umum, bak kata pepatah Melayu: Sepandai-pandai tupai melompat, ada kalanya jatuh ke tanah juga; setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya singgah di atas belakang kerbau juga. Oleh sebab itu saya berharap Kerajaan akan meneruskan hasrat untuk mengemukakan Akta Bank ini apabila tiba waktunya walaupun ditentang oleh pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa sidang Parlimen ini juga kita telah mendengar dengan tegasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membuat lawatan ke negeri China. Kita iringi dengan doa semoga beliau nanti akan pergi dengan selamat dan dapat balik memimpin negara dengan selamat. Tujuan Yang Amat

Berhormat ke negeri China adalah tujuan suci untuk menghulurkan tali persahabatan dengan rakyat yang paling ramai di dunia. Jika sekiranya Malaysia dapat menembusi pasaran di negeri China yang rakyatnya lebih daripada satu billion, maka sudah pasti akan memberi kesan yang baik kepada pengeksporan barangan Malaysia. Akan tetapi perkara yang menjadi masalah, sebagaimana yang sama-sama kita faham, Kerajaan China masih lagi mengakui Parti Komunis Malaysia. Bagi kita tidak ada pilihan dan tidak ada tolak ansur. Sekiranya Kerajaan China masih mengekalkan sikapnya, maka kawalan-kawalan yang rapi sepertimana yang dibuat sekarang ini perlu dikekalkan walaupun dari mana datang desakan-desakan kerana kita sedar dan sebahagian besar rakyat negeri ini masih segar ingatannya ke atas tindakan yang kejam dan zalim pasukan-pasukan komunis militan semasa mereka "memerintah Malaya 14 hari yang lalu". Ramai daripada rakyat negeri ini yang ditanam hidup-hidup, ramai daripada rakyat yang dibakar hidup-hidup dalam rumah masing-masing, seperti yang berlaku di Kampung Chepor, Lenggong dalam kawasan saya dan juga yang berlaku di Kampung Bekor di daerah Kuala Kangsar. Orang-orang kampung dilarang keluar rumah, pasukan komunis telah mengepung kampung itu dan membakar rumah, semua penghuni mati di dalam kebakaran.

Tetapi yang lebih penting bagi kita kerana fahaman komunis ini bercanggah dengan keperibadian Islam dan rakyat negeri ini yang mengamalkan konsep pemerintahan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Saya ada dengar pandangan salah seorang wakil Pembangkang mengatakan janganlah Yang Amat Berhormat terlalu mementingkan soal keselamatan.

Sebenarnya soal keselamatan inilah soal yang paling pokok dalam mana-mana negara. Kerana kalau tidak ada keselamatan sudah pasti pembangunan tidak akan wujud. Bagaimana kita boleh memandangkan keselamatan ini satu perkara yang tidak penting. Janganlah bak kata pepatah Melayu "harapkan hendak untung sekarang" berniaga dengan negeri China maka kita akan "rugi seguni" jika keamanan terjejas. Inilah yang harus kita sedari.

Jika keamanan negara kita terancam tidak bermakna kekayaan yang kita perolehi hasil dari perdagangan dengan negeri China itu. Walau bagaimanapun kita berharap dengan suasana yang berlaku dalam politik China sekarang ini mereka akan mengubah sikap kerana sebenarnya tidak ada apa-apa keuntungan pun yang mereka perolehi dengan mengekalkan sikap menyokong Parti Komunis Malaya yang "hidup segan mati tak mahu", seperti kerakap tumbuh di batu.

Apa hendak mereka harapkan, hanya pada nama sahaja "Parti Komunis Malaya"—tenaga tidak ada. Mereka ini nafsu besar hendak memerintah Malaysia dan menumbangkan Kerajaan yang dipilih rakyat, tetapi tenaga kurang. Nafsu besar, tenaga kurang! Orang yang macam ini apa yang diharap oleh Kerajaan China. Mereka sepatutnya menyedari hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sungguh kagum dan menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai wira di dalam ASEAN di waktu menghadiri Persidangan Pemimpin-pemimpin Commonwealth di Nassau, Bahamas baru-baru ini. Beliau telah bercakap dengan terus terang menentang kezaliman dan konsep ini adalah selaras dengan tuntutan Islam. Konsep mengadakan hubungan dengan negeri

China juga adalah selaras dengan kehendak Islam, kerana Tuhan berfirman di dalam Al-Quran yang ertinya:

"Hendaklah kamu berbuat baik kepada semua makhluk sepertimana Allah berbuat baik kepada kamu".

Bukanlah Islam sepertimana yang difikirkan oleh Parti Pembangkang yang hanya tahu—mencuri kerat tangan, apabila berzina, direjam. Itu sahaja. Kita buat pelajaran pun, Islam. Mengadakan hubungan antarabangsa pun, Islam. Sebenarnya amalan-amalan Islam ini sudah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan sejak dahulu sampai sekarang dan akan terus kita lakukan dan Islam adalah agama sejagat.

Maka dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Belanjawan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh.

5.15 ptg.

Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1986 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh dianggap sebagai satu Belanjawan berjimat. Saya percaya di bawah keadaan sekarang kita tidak mempunyai pilihan yang lain.

Bagaimanapun saya dapati tidak menyenangkan hati mengenai hutang awam yang telah meningkat dari 25.5% dalam Anggaran tahun 1985 kepada 27% dalam Belanjawan tahun 1986. Sebab inilah saya bersetuju kita mesti mengetatkan tali pinggang lagi. Dalam hubungan ini saya percaya kita hendak mengeluarkan dengan secukupnya dalam bidang pertanian, perindustrian dan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini sedang menempuh kemelesetan ekonomi. Saya percaya untuk menambah kemampuan kita untuk menghadapi kemelesetan tersebut kita mesti menguatkan dan memajukan pembangunan pertanian. Malangnya beberapa tahun yang lalu bahagian pertanian dalam Penghasilan Negara Kasar atau Gross Domestic Product telah meleset daripada 24% dalam tahun 1980 kepada 21% tahun lalu.

Oleh kerana kekurangan perhatian terhadap sektor pertanian inilah maka kita menghadapi pengangguran daripada orang-orang yang diberhentikan disebabkan oleh penutupan industri. Jika pembangunan pertanian telah digiatkan beberapa tahun yang lalu kita akan mempunyai lebih ramai orang yang bekerja sendiri dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah lewat sangat menggiatkan pembangunan di dalam sektor pertanian. Ini memerlukan kemahuan politik serta menggalakkan daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk memandu Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengeluarkan lebih tanah untuk pertanian. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah lagi tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian? Saya percaya masih ada kerana 61.8% negara ini masih diliputi hutan.

Di samping itu masih terdapat banyak lagi tanah terbiar yang boleh digunakan. Saya merujuk khususnya kepada tanah-tanah bekas lombong terutamanya di negeri Perak dan Selangor. Pada masa ini tanah bekas lombong itu dari udara kelihatan seperti satu permukaan yang telah musnah oleh peperangan dengan kolam-kolamnya seperti kawah gunung berapi. Rupa yang hodoh ini serta masalah tanah-tanah terbiar boleh diselesaikan dengan mudah, jika tanah-tanah seperti ini diberikan

kepada golongan yang berminat menanam tanam-tanaman tunai seperti sayur-sayuran. Kerajaan Negeri selalunya mengatakan bahawa pakar-pakar sains pertanian kita ada mengkaji cara-cara untuk memulihkan tanah-tanah terbiar begini.

Saya harap Kerajaan Persekutuan boleh menunjukkan kepada Kerajaan Negeri bahawa semasa saintis tersebut membuat penyelidikannya, kaum tani haram sedang sibuk menanam sayur-sayuran di tanah bekas lombong itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak memperkecil-kecilkan usaha-usaha penyelidikan sains mengenai pemulihan tanah-tanah terbiar. Saya setuju dan menggalakkan penyelidikan begini. Bagaimanapun, buat sementara waktu, pihak Kementerian Pertanian haruslah menggalakkan Kerajaan Negeri masing-masing supaya mengeluarkan lebih banyak tanah, khususnya tanah bekas lombong, kepada golongan yang kini menjadi petani benar walaupun penanaman secara haram di tanah Negeri.

Saya harap pihak Kementerian Pertanian dapat memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memulihkan tanah-tanah bekas lombong untuk penanaman sayur-sayuran.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan adalah berdasarkan pelan-pelan pembangunan dan peruntukan untuk faedah warganegara kita. Bagaimanapun, Belanjawan ini tidak mengambilkira beribu-ribu pendatang haram yang membebankan kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, perkhidmatan kesihatan, sistem pengangkutan, bekalan air dan bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini pendatang-pendatang haram dari Indonesia telah tidak dapat dikawal lagi. Anggaran-anggaran telah

diberikan mengenai bilangan pendatang haram yang meliputi dari 500,000 orang oleh pihak Kementerian Luar Negeri Indonesia ke 130,000 orang oleh Kementerian Buruh kita. Angka-angka ini adalah rendah berbanding dengan lain-lain, malahan terdapat setengah pihak yang menganggarkan angka tersebut pada 800,000 orang. Bagaimana keadaan ini boleh timbul, sehingga ianya menjadi satu masalah yang tidak dapat diuruskan? Saya percaya ini terjadi kerana kedua-dua pihak swasta dan perusahaan awam patut disalahkan. Mereka telah mengambil jalan yang mudah dengan mengambil buruh haram bekerja demi kepentingan jangka pendek. Tidak boleh dinafikan bahawa ekonomi Malaysia kini sedang mengalami pengangguran yang semakin tinggi. Para majikan termasuk Kerajaan mengambil buruh pendatang bekerja secara langsung dan secara tidak langsung sebagai satu jalan yang lebih mudah, lagi murah, untuk menyelesaikan kekurangan tenaga dalam industri perlombongan dan perladangan, khasnya di rancangan-rancangan tanah Kerajaan. Saya percaya ini bersifat pandangan dekat dan akhirnya kestabilan politik dan ekonomi jangka panjang akan dilemahkan perlahan-lahan. Kalau ini benar, pengangguran di bandar dan guna tenaga tak penuh di kampung dan kampung baru akan menjadi satu punca kekacauan, orang-orang begini, yang menjadi warganegara kita, akan menjadikan tanah subur ini untuk orang-orang subversif.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan supaya membatalkan perjanjian buruh yang dibuat dengan negara-negara asing, oleh kerana adalah mustahak kita menjaga warganegara yang menganggur dahulu. Tambahan pula perjanjian buruh dengan Indonesia juga ialah satu kegagalan kerana hanya 462 pekerja Indonesia yang diambil bekerja melalui perjanjian itu

setakat ini. Masalahnya saya percaya ialah perlunya undang-undang dikuatkuasakan ke atas majikan-majikan yang engkar.

Saya menyeru kepada Kerajaan supaya membuka jalan, khasnya di rancangan-rancangan tanah di negeri Pahang, dengan dibersihkan daripada pendatang-pendatang haram kerana terdapat kira-kira 20,000 orang pendatang haram di ladang-ladang getah dan kelapa sawit di negeri Pahang sahaja. Kita tidak boleh terima yang ekonomi kita akan menderita jika ketiadaan pendatang haram di estet-estet itu. Undang-undang tetap undang-undang dan mesti dihormati.

Saya juga berseru kepada Kerajaan supaya menjadikan satu kesalahan ke atas mereka yang gagal melaporkan pendatang haram kepada pihak berkuasa, walaupun mereka sedar akan adanya pendatang-pendatang haram itu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini telah mengakui kerosakan yang dilakukan pada ekonomi negara dengan kurangan yang besar kepada akaun semasa. Pihak Kerajaan berharap membetulkan keadaan ini dengan menarik masuk modal swasta asing yang lebih besar ke dalam industri pertumbuhan. Ini memang satu penyelesaian, tetapi menarik modal asing begitu akan mengambil masa dan usaha. Oleh itu saya menggesa Kerajaan menggiatkan usaha untuk mengadakan industri-industri khasnya hendaklah terdapat penggalakan eksport yang lebih giat, di samping mengurangkan import melalui penggantian import. Dalam hubungan ini Kementerian ini hendaklah mengambil kesempatan kepada kebanyakan industri kecil-kecilan yang sudah pun berkembang di negara ini.

Saya pernah menimbulkan perkara ini pada suatu masa dahulu dalam Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya saya gagal melihat pihak Kementerian mengambil kesempatan industri-industri tersebut dengan membawanya ke dalam aliran industri utama. Pihak Kementerian hendaklah menimbang dan meningkatkan industri-industri kecil-kecilan itu dengan bantuan kewangan dan teknikal. Bantuan-bantuan teknikal boleh diberi dalam bentuk memandu industri kecil-kecilan itu supaya menjadi penggenap industri berat, dengan industri kecil-kecilan itu mengilang komponen-komponen untuk industri berat. Saya pasti kemahiran teknikal daripada industri berat boleh menolong mengarahkan industri-industri kecil-kecilan ke arah mengeluarkan komponen-komponen untuk industri-industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang kewangan, pihak Kerajaan boleh memberi pinjaman wang dengan syarat-syarat longgar dalam bentuk faedah yang rendah dan tempoh bayaran balik yang lama supaya industri-industri kecil-kecilan itu boleh menggantikan peralatan mereka, serta mereka semula worksyopnya, untuk menyumbang kepada pengeluaran keluaran-keluaran sampingan yang boleh dilahirkan oleh industri-industri berat.

Saya percaya ini merupakan langkah-langkah positif yang boleh mengurangkan pengaliran hasil keluar. Ianya juga boleh membendung pengangguran yang semakin meningkat di samping mengurangkan pada akaun semasa. Ini boleh memberi faedah-faedah dengan serta merta. Pada masa yang sama penekanan sekarang yang diberikan kepada usaha menarik penyertaan asing hendaklah diteruskan. Saya berharap Kementerian boleh memberi contoh-contoh tertentu dalam

usahanya menggalakkan industri-industri tempatan apabila tiba peluangnya untuk menjawab dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran mempunyai pelan untuk mengawal masalah polarisasi kaum di sekolah-sekolah. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan atas usahanya ke arah tujuan ini dan saya berharap Belanjawan tahun ini ada menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk usaha-usaha ini. Salah satu cara yang diperkenalkan untuk mengurangkan polarisasi kaum ialah untuk sekolah-sekolah vernacular berkongsi kemudahan, umpamanya padang permainan dan dewan perhimpunan. Niat dasar ini baik kerana untuk mengurangkan polarisasi kaum. Bagaimanapun pihak Kementerian hendaklah berhati-hati supaya pelaksanaan dasar ini tidak merenggangkan kasih sayang setengah orang. Saya merujuk kepada yang berkaitan dengan sekolah-sekolah vernacular khasnya Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Adalah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Negara kita iaitu bahasa ibunda semua kaum di Malaysia dibenarkan supaya bukan sahaja wujud tetapi juga berkembang. Oleh yang demikian boleh difahami kalau terdapat orang yang memandang pelan sedemikian untuk kemudahan-kemudahan yang disatukan dengan syak-wasangka kerana mereka benar-benar bimbang. Keadaan ini dikuatkan oleh hakikat iaitu pada masa lalu pelaksanaan setengah dasar yang telah diterima oleh rakyat telah menyeleweng dari semangat serta niat asal dasar-dasar tersebut. Saya menyeru kepada pihak Kementerian menjaga supaya jangan ada penyelewengan dalam perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama rakyat hendaklah diberi tahu dengan secukupnya mengenai dasar ini. Ini boleh dijalankan dengan menyebarkan penerangan secukupnya melalui perbincangan, taklimat dan pembahagian risalah-risalah mengenai masalah tersebut, khasnya kepada Lembaga Sekolah Kebangsaan (Cina) serta menerangkan kepada mereka tentang bentuk, sifat dan implikasi kemudahan-kemudahan yang disatukan ini. Dengan demikian, orang ramai dapat melihat sendiri apa dia dasar ini dan tidak siapa yang akan merasa hak-haknya sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan dirampas. Para pegawai Kementerian yang melaksanakan dasar ini juga hendaklah mempunyai kefahaman yang jelas di samping jangan ada sebarang penyelewengan dalam pelaksanaan dasar itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini lebih daripada 200 wakil daripada Persatuan-persatuan Sekolah Cina dari Perak Utara dan Tengah telah mengadakan satu mesyuarat di Taiping dan di Ipoh menentang rancangan pihak Kementerian untuk menyatukan sekolah-sekolah. Persatuan-persatuan tersebut memandang rancangan menyatukan tiga jenis sekolah tersebut dengan syak-wasangka. Mereka rasa langkah seperti itu akan menjejaskan bahasa dan kebudayaan mereka nanti. Saya percaya tidaklah memadai pihak Kementerian memberi jaminan iaitu tidak akan ada perubahan pada sifat sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Ini kerana persatuan-persatuan itu ada memberikan satu contoh pihak Kerajaan mencuba projek tersebut di satu kawasan di negeri Johor. Mereka mendakwa ada kesan-kesan buruk seperti berikut:

- (a) Guru-guru Besar Cina dan Tamil telah menjadi kakitangan bawahan kepada Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan;

- (b) terdapat kehendak mengadakan makanan halal di kantin sekolah yang disatukan itu.

Adalah menjadi pendirian saya iaitu penerangan yang tidak mencukupi telah membawa kepada kekeliruan di antara golongan yang terlibat. Saya harap pihak Kementerian dapat menghapuskan kekeliruan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya dengan sukacitanya menyokong Belanjawan 1986 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.39 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana Belanjawan tahun 1986 yang tidak membebankan rakyat walaupun falsafahnya ialah pengorbanan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa dialog Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan orang ramai dalam tempoh penyediaan Belanjawan, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) telah mengemukakan banyak cadangan. Oleh kerana cadangan-cadangan dan teguran-teguran majlis itu masih belum diambil tindakan, maka saya akan mengemukakan perkara-perkara berkenaan dalam sidang ini.

Mengenai perumahan, perumahan masih merupakan satu masalah besar walaupun beberapa cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan untuk melaksanakan satu polisi yang baru dan berkesan. Harga-harga rumah semuanya masih lagi terlalu mahal dan

rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dan badan-badan berkanun juga ada yang mahal-mahal. Bank-bank juga mengenakan kadar faedah yang tinggi dan akibatnya ramai orang tidak dapat memiliki rumah sendiri. Di tempat-tempat yang lain pula keadaan yang anih berlaku di mana rumah yang dibangunkan tidak dapat dijual, walhal di negara kita mengalami kekurangan rumah dan industri perumahan. Dan negara kita ini masih tertakluk kepada berbagai-bagai peraturan dan perkara ini harus dikaji semula. Mengenai rumah murah atau kos rendah, langkah-langkah perlu diambil dengan segera bagi meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik.

Kerajaan hendaklah menyediakan rancangan perumahan yang mencukupi dan penduduk-penduduk di ladang-ladang dan kawasan-kawasan lombong masih mengalami keadaan hidup yang buruk dan ketiadaan rumah sendiri. Ramai rakyat negara ini termasuk mereka yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan di bandar, hidup dalam keadaan yang kurang sihat. Kerajaan haruslah memberikan keutamaan di dalam hal ini dan membuat satu rancangan di mana semua mereka yang terlibat dalam golongan ini disediakan kemudahan perumahan.

Teknik-teknik baru bagi membina rumah secara berkelompok harus diusahakan bagi pembinaan rumah secara besar-besaran dengan harga yang murah. Rancangan perumahan swasta pula, pemilikan rumah oleh pekerja-pekerja ladang dan pelombong-pelombong bijih haruslah menjadi satu kenyataan. Kita seharusnya tidak melupakan jasa buruh-buruh ini yang telah menyumbangkan tenaga terhadap pembangunan negara walaupun keadaan hidup mereka beransur baik. Individu-individu dan syarikat-syarikat besar yang berkenaan tidak

harus menggunakan alasan ini untuk mengelakkan tanggungjawab mereka kerana didapati walaupun Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengadakan perancangan untuk perumahan-perumahan ladang-ladang dan lombong-lombong masih lagi pelaksanaannya begitu tidak memuaskan.

Alasan kita pada masa dahulu adalah ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih tersebut dimiliki oleh orang-orang luar iaitu orang-orang asing tetapi sekarang perkara ini sudah berubah, dan banyak ladang-ladang dan lombong-lombong bijih dimiliki oleh penduduk-penduduk negara kita sendiri. Sukalah saya mengesyorkan agar Kerajaan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menyediakan rancangan perumahan bagi mereka yang sekian lama tidak dipedulikan dengan memberikan pinjaman seperti yang telah ditetapkan oleh Belanjawan kali ini.

Berkenaan skim pinjaman perumahan, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan iaitu 1/3 dari kuota pinjaman perumahan bernilai kurang dari \$100,000 dikhaskan bagi rumah-rumah yang berharga \$25,000 atau kurang dan seterusnya untuk membolehkan lebih ramai kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah memiliki rumah had umur 30 tahun bagi kakitangan kategori D akan dimansuhkan dan tempoh mansuh pembayaran balik akan dilanjutkan dari 25 tahun kepada 30 tahun dan duti setem 0.5% bagi harga pembelian bagi perjanjian pinjaman untuk rumah kos rendah dimansuhkan. Ini adalah satu usaha Kerajaan yang membuktikan pembelaan terhadap rakyat.

Mengenai Akta Kawalan Cukai 1966 dalam kawasan bandar dan separuh bandar di seluruh negara ini terdapat banyak bangunan-bangunan

yang tertakluk di bawah Akta Kawalan Cukai 1966. Penyewa-penyewa membayar sewa yang rendah dan kadangkala penyewa-penyewa rumah kedai menyewakan pula kedai itu kepada pihak yang ketiga. Dengan cara ini penyewa yang pertama mendapat untung dan tuan empunya bangunan yang rugi kerana mereka yang bertanggungjawab untuk memperbaiki dan menjaga bangunan-bangunan tersebut.

Perkara ini berlaku kerana Akta Kawalan Cukai 1966 memelihara pihak penyewa sahaja. Kami berharap agar perkara ini dikaji semula dan satu cara penyelesaian yang sesuai dapat diwujudkan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak iaitu tuan punya bangunan dan juga orang-orang yang menyewa.

Mengenai belia, sejak dari tahun 1980 lagi Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia telah membentangkan cadangan-cadangan berkaitan dengan kehendak dan keperluan belia. Sekali lagi inginlah cadangan-cadangan ini disampaikan supaya Tahun Belia Antarabangsa yang akan kita hadapi tidak sia-sia sahaja. Saya suka merayu Kerajaan untuk memberikan perhatian yang lebih serius terhadap masalah-masalah yang kian meningkat dari golongan belia. Langkah-langkah yang tertentu harus diambil bagi memenuhi kehendak mereka.

Masalah yang dihadapi oleh belia-belia sekarang tidak dapat diselesaikan oleh keluarga sahaja, tindakan oleh seluruh masyarakat melalui organisasi-organisasi perkhidmatan sosial dan professional amat diperlukan dan peranan Kerajaan sebagai pemimpin dalam bidang ini amat penting terhadap pembangunan dan semangat gotong-royong dan juga taat setia di kalangan belia-belia kita. Badan-badan sukarela haruslah digalakkan oleh Kerajaan

untuk menyertai rancangan-rancangan bagi memenuhi keperluan-keperluan ini.

Kepimpinan dan penyertaan secara sukarela amat penting untuk menjayakan rancangan-rancangan ini. Projek-projek bagi mengutip derma yang dijalankan oleh badan-badan yang bertanggungjawab dapat memenuhi sebahagian daripada belanja yang diperlukan. Projek-projek ini akan mencapai kejayaan sekiranya Kementerian Kewangan dapat membuat peruntukan di mana bantuan kewangan dari Kerajaan boleh diperolehi bagi projek-projek yang memenuhi kehendak belia terutamanya di kalangan belia yang kurang bernasib baik.

Majlis juga mencadangkan agar projek-projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dapat bantuan kewangan dari Kerajaan dengan formula seringgit bagi tiap-tiap dua ringgit yang didapati oleh organisasi yang berkenaan supaya beban ini tidak semata-mata ditanggung oleh Kerajaan dan penderma-penderma dari sektor-sektor swasta dan juga orang-orang perseorangan harus diberi pengecualian cukai.

Perubatan dan kemudahan kesihatan oleh Kerajaan. Baru-baru ini Kerajaan telah mengeluarkan garis panduan secara rasmi kepada semua jabatan Kerajaan dalam usaha menswastakan seberapa banyak fungsi-fungsi Kerajaan yang boleh. Memandangkan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan memakan belanja yang tinggi ada kemungkinan kemudahan ini akan termasuk dalam polisi penswastaaan Kerajaan.

Perkara ini akan menimbulkan kesan-kesan buruk dan oleh yang demikian adalah baik perkara ini iaitu hospital-hospital Kerajaan tidak patut

diswastakan, kos rawatan di hospital-hospital yang diswastakan tentu lebih mahal kerana tujuan sektor swasta adalah mendapat keuntungan semata-mata. Penswastaan rawatan perubatan akan menganiaya orang-orang yang berpendapatan rendah kerana mereka tidak akan mendapat kemudahan perubatan dan rawatan asas yang kini disediakan oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian penswastaan bahagian ini tidak akan memberi faedah kepada orang ramai dan inginlah kami membuat rayuan kepada Kerajaan agar hospital-hospital Kerajaan tidak diswastakan. Kesihatan adalah keperluan asas bagi manusia dan memandangkan sistem yang sedia ada memerlukan kepada keperluan kebanyakan orang dan tidak mampu mereka ini pergi ke klinik-klinik dan hospital-hospital swasta, oleh itu diharapkan Kerajaan akan terus memikul tanggungjawab mereka dalam bidang ini. Namun begitu kemungkinan ada satu, dua perkara yang boleh diswastakan. Jadi diharapkan agar Kerajaan menimbangkannya dengan sebaik-baiknya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mahu beri jalan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Ya, silakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat kata tadi kalau diswastakan dia punya pengenaan charge itu mungkin tinggi. Kalau sekiranya kalau diswastakan charygenya rendah, macam mana?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Itu saya kata tadi, itu kalau diswastakan kemungkinan orang-orang yang berpendapatan rendah

tidak mampu mendapatkan rawatan-rawatan seperti rawatan-rawatan pakar tetapi apabila saya mengatakan kemungkinan ada bahagian-bahagiannya yang boleh diswastakan misalnya central sterilisation mungkin boleh diswastakan. Dan mungkin perkhidmatan makanan boleh diswastakan, jadi itulah yang maksudkan Yang Berhormat. Saya ada juga membuat kajian mengenai perkara ini sunguhpun saya bukan seorang doktor.

Mengenai kekurangan tenaga buruh adalah memang jelas bahawa kekurangan buruh di estet-estet, di sektor-sektor pembinaan dan juga pembuatan dan juga perindustrian. Ada beberapa kumpulan yang professional dan sebaliknya mencadangkan supaya diimport sahaja tenaga buruh dari luar negeri bagi mengatasi masalah ini dan penyelesaian begini pada pendapat saya adalah tidak memandang jauh akibatnya.

Kerajaan hendaklah mengkaji saranan ini dengan mengambil kira masalah pengangguran yang wujud, gaji rendah yang dibayar kepada buruh-buruh Malaysia dan keengganan oleh pihak majikan menjalankan skim latihan yang tertentu. Masalah ini akan bertambah jika dasar mengimport tenaga buruh yang dicadangkan, yang dibuat sekarang ini diterima terus dan dilaksanakan dengan secara besar-besaran. Ini tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh bahkan akan menyebabkan seterusnya eksploitasi buruh Malaysia yang memerlukan perlindungan daripada Kerajaan. Tanggungjawab Kerajaan menjaga kebajikan buruh Malaysia adalah amat berat. Di samping itu didapati bahawa buruh-buruh yang diimport atau mereka yang datang secara haram ke negara kita ini dieksploitasikan juga oleh majikan-majikan yang mereka bekerja.

Anjuran dasar-dasar yang tidak sihat dan berpandangan singkat ini hendaklah disekat supaya dapat dielakkan pertumbuhan masalah-masalah lain yang akhirnya akan menimbulkan akibat hasil yang tidak baik. Kerajaan haruslah membuat kajian mendalam mengenai kekurangan ini dan mencari penyelesaian yang menjamin faedah kepada majikan dan juga buruh Malaysia serta menganjurkan dasar perburuhan yang sihat dan stabil.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan yang membenarkan pencen wanita—ditaksir berasingan. Saya sungguh berasa kagum dan berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang juga memperjuangkan kepentingan wanita; sayangnya beliau tidak ada di sini. Sekurang-kurangnya saya merasa bahawa ada seorang Ahli Yang Berhormat dari kaum lelaki yang menyokong saya dalam kepentingan wanita. Jadi, saya berlainan pendapat sedikit mengenai penaksiran berasingan pencen wanita ini. Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa pencen ini seolah-olah Kerajaan menggalakkan supaya wanita semuanya berpencen sebelum umurnya cukup masa pencen. Saya berpendapat bahawa ini tidak benar kerana yang berpencen sebelum cukup had umur pencennya adalah kerana sebab-sebab tertentu sahaja sama ada sebab-sebab kesihatan atau sebab-sebab kepentingan dirinya sendiri untuk hendak berniaga dan sebagainya. Jadi ini adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan. Begitu juga beliau menyatakan bahawa wanita yang berumah tangga nampaknya tidak ada keistimewaan iaitu taksiran pendapatannya disamakan dengan kaum lelaki. Ini adalah tidak benar kerana kami dalam wanita UMNO dan juga pertubuhan-pertubuhan wanita semuanya telah

memperjuangkan bahawa penaksiran gaji wanita yang telah bekerja sejak tahun 1975 lagi sudah diasingkan iaitu kalau wanita itu ingin pendapatannya ditaksir berasingan daripada suaminya ia boleh berbuat bila-bila masa sahaja.

Di samping itu saya bersetuju pula dengan beliau mengenai keusahawanan wanita iaitu memanglah menjadi perjuangan wanita sebelum dekad wanita lagi, dan sekarang dekad wanita sudah pun berakhir, bahawa dalam pentadbiran pengurusan sememangnya sebelum dekad wanita dahulu terdapat hanya 0.1% sahaja bilangan wanita dalam pentadbiran dan pengurusan dan sekarang ini kita dapati 0.4% bererti telah meningkat 0.3% dan ini adalah juga kejayaannya sungguhpun ianya tidak begitu membanggakan. Namun begitu, saya menyokong pendapat beliau supaya keusahawanan di kalangan wanita ini dipupuk dan digalakkan. Saya suka menyatakan bahawa di negara kita sepanjang pengetahuan saya telah ada dua persatuan usahawan wanita iaitu Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia dan Perniaga-wati iaitu dua persatuan yang mengumpulkan usahawan-usahawan wanita yang mempunyai objektif untuk memajukan mereka ini untuk memperkembangkan lagi kemajuan usahawan wanita di negara kita ini dan saya sangat-sangat berharap kepada pihak Kerajaan terutama Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab supaya menolong dan membantu kedua-dua persatuan ini supaya tercapai hasrat wanita untuk memberikan sumbangan dalam ekonomi negara dengan lebih pesat lagi.

Ada juga beberapa perkara lagi mengenai cukai yang dikehendaki oleh wanita supaya dapat ditimbang oleh Kerajaan iaitu cadangan bagi cukai berasingan atas pendapatan

penyewaan untuk wanita. Pada dekad yang lalu corak pekerjaan kaum wanita di Malaysia telah banyak berubah. Ramai di antara kaum wanita yang bekerja bukan sahaja di peringkat rendah tetapi juga di peringkat gaji yang tinggi dan ramai juga wanita yang professional yang memegang jawatan eksekutif, semakin ramai lagi menjadi entrepreneur atau usahawasan dan pengurus dalam syarikat-syarikat. Di antara kaum wanita yang tersebut ini ada yang mempunyai rumah dari mana mereka mendapat hasil dari penyewaannya. Di bawah undang-undang yang ada sekarang pendapatan kaum wanita dari penyewaan rumah mereka dicampur dengan jumlah pendapatan suaminya. Cukai pendapatan suami diambil kira atas jumlah pendapatan ini, akibatnya ialah si suami akan membayar cukai pendapatan yang lebih tinggi. Ini menjadi satu beban kerana si isteri tidak dapat menikmati pendapatan penyewaan itu dengan sepenuhnya dan pihak keluarga dan suaminya dibebankan dengan cukai pendapatan yang tinggi. Jadi wanita ini menimbang jugalah suami-suami mereka itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang majoriti ada di sini supaya tidak perlu membayar cukai bagi pendapatan isteri-isterinya. Jadi, saya bagi pihak NCWO ingin membuat rayuan kepada Kerajaan untuk menggunakan konsep baru bagi faedah kaum wanita dalam bidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini wakil Tanjong Karangah atau wakil NCWO yang bercakap?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sebagai salah seorang Ahli Parlimen wanita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tunggu sekejap Yang Berhormat, saya tidak beri jalan lagi. Ini peluang saya untuk memperjuangkan kehendak-kehendak wanita yang sebanyak 50% daripada penduduk di Malaysia ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ramai Ahli-ahli Parlimen wanita saya rasa saya bertanggungjawablah untuk menyuarakan suara daripada satu badan yang mewakili wanita di seluruh negara. Jadi, saya sukalah membuat rayuan kepada Kerajaan untuk menggunakan konsep baru ini bagi faedah kaum wanita dalam bidang ini. Saya suka mencadangkan agar pendapatan penyewaan sebuah rumah sekurang-kurangnya yang dimiliki oleh si isteri dikira sebagai pendapatannya sendiri dan dicukai berasingan.

Dengan itu mencadangkan supaya sebuah rumah ini dikecualikan daripada cukai sebagai satu dasar harus digunakan sebagai kepentingan kebajikan kaum wanita. Pendapatan yang diperolehi dari harta ini harus menjadi hak wanita yang berkenaan sebagai pendapatannya sendiri dan juga sebagai satu bekalan dan perlindungan di masa tua, kerana maklumlah masa tua nanti entah diceraikan, entah—suaminya mati tidak meninggalkan apa-apa harta pun, jadi inilah satu-satu bekalan untuk hari tua seseorang wanita itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada tadi Yang Berhormat minta jalan, tak mahu beri jalan lagi?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Belum lagilah. Saya tunggu pun berjam-jam, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Sekiranya cadangan ini tidak diterima oleh Kerajaan sukalah saya mencadangkan supaya pendapatan

yang diperolehi dari sebuah rumah yang dimiliki oleh wanita itu dibuat penilaian cukai berasingan dan dengan cara ini pendapatan ini tidak dicampur dengan pendapatan si suaminya yang akhirnya akan membayar cukai yang lebih tinggi. Dan sekiranya wanita ini bekerja pendapatan gajinya bolehlah dicampur dengan pendapatan penyewaan dari sekurang-kurangnya sebuah rumah dan cukainya dikira berasingan. Mengikut dasar ini wanita bertanggungjawab atas cukai pendapatannya yang dikira mengikut jumlah pendapatannya sendiri. Sekarang Kerajaan telah pun menerima dasar di mana kaum wanita diberi pilihan membuat penilaian penaksiran cukai yang berasingan dan ini telah kami perjuangkan begitu lama dan kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Cadangan yang dibuat ini adalah satu sumbangan daripada dasar ini yang akan memberikan kaum wanita asas perlindungan dan meninggikan taraf kebajikan mereka dalam masyarakat. Cadangan ini akan menggalakkan kaum wanita membeli dan memiliki rumah sendiri.

Satu perkara lagi yang penting kepada wanita ialah mengenai pembahagian pencen kepada isteri yang dicerai. Pada asasnya tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengatakan kalau sudah dicerai itu sudah tentulah tak payah hendak dapat pencen, tetapi kami mempunyai alasan-alasan, iaitu Majlis berpendapat dengan adanya undang-undang baru bagi nikah dan cerai untuk orang-orang bukan Islam, masalah pembahagian pencen akan timbul apabila lelaki berkahwin semula. Majlis merasa bertanggungjawab melindungi wanita, anak-anak dan keluarga dan mengemukakan prinsip-prinsip yang amat penting yang memerlukan pertimbangan dan tindakan Kerajaan dengan sepenuh simpati. Perkahwinan adalah satu keadaan di mana dua

orang berhubung dengan secara sah dan dengan persetujuan bersama. Pada masa ini sesuatu pihak boleh menuntut cerai atas alasan keretakan rumahtangga yang tidak dapat didamaikan lagi dan tak dapat diperbaiki lagi.

Majlis ingin memberikan contoh di mana ada kemungkinan seorang isteri yang telah berkahwin 25 tahun misalnya, menghadapi tuntutan cerai daripada pihak suaminya. Apabila kes ini setelah menjalani tempoh 6 bulan diselesaikan oleh Penimbangtara, didapati si suami berkahwin dengan perempuan lain. Apabila bekas suami itu meninggal setelah berkahwin selama setahun atau dua tahun misalnya, siapakah yang akan mendapat pencen ini? Isteri yang telah dicerai setelah berkhidmat selama 25 tahun mengharungi hidup yang susah dengan suaminya dengan segala kepayahan, seksa dan sebagainya, membuat pengorbanan atau isteri yang baru yang tempoh perkahwinannya hanya baru setahun dua. Jadi, inilah yang kami persoalkan. Majlis ingin mengemukakan bahawa perlindungan yang cukup hendaklah diberi kepada isteri pertama, terutamanya mengenai pencen ini. Pembahagian pencen hendaklah dibuat mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan atau mengikut perintah mahkamah di mana semua faktor diambil kira dan Majlis berpendapat bahawa adalah penting pencen ini tidak diberikan kesemuanya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak boleh Yang Berhormat kata "Majlis, Majlis, Majlis".

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tukarkan kata, "saya Wakil Tanjung Karang menyokong Majlis", bolehlah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya Wakil Tanjung Karang sekarang ini menyampaikan hasrat-hasrat Majlis

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Sebab di sini ada prinsip yang terlibat, iaitu Ahli-ahli Dewan dipilih berasaskan perwakilan rakyat mengikut kawasan-kawasan pilihanraya. Jadi, kalau kita terlalu berpindah kepada prinsip berasaskan pertubuhan-pertubuhan, tentu sekali ianya tidak selaras dengan prinsip-prinsip ditubuhkan Dewan ini sendiri. Itulah sahaja peringatan saya kepada Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peringatan itu. Keadilan mestilah dilakukan dan saya memohon kepada Kerajaan supaya peranan yang amat penting ini diambil kira.

Cuma satu sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya terpaksa menyebut "Majlis". Dalam Persidangan Dwi Tahunan NCWO pada hari Ahad, 27hb Oktober, satu usul telah diluluskan iaitu supaya Kerajaan meluaskan fungsi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Hal Ehwal Wanita kepada taraf Menteri dan mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Wanita di semua Kementerian supaya segala urusan hal ehwal wanita dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1979 ialah Tahun Antarabangsa Kanak-kanak, ianya telah pun 6 tahun berlalu. Saya yakin ramai orang telah lupa akan tahun ini, tetapi pada tahun itu kami wanita semuanya telah pun mengadakan beberapa seminar dan membuat memorandum kepada pihak Kerajaan dan kemudiannya menggubal Piagam Kanak-kanak Malaysia dan piagam ini telah pun dikemukakan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam tahun

1979, dan kami sehingga hari ini masih menunggu pihak Kerajaan adakah piagam ini akan diterima atau tidak? Itulah sahaja permintaan saya mengenai Piagam Kanak-kanak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang ini juga saya telah menyoal mengenai hospital kanak-kanak. Mengenai hospital kanak-kanak, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Mengikut apa yang saya ketahui, cadangan bagi mendirikan hospital kanak-kanak di tapak wad-wad lama kanak-kanak dekat Hospital Besar di Kuala Lumpur telah mula dibincangkan sejak tahun 60an. Semua pihak merasa gembirta apabila dalam Rancangan Malaysia Keempat asasnya telah siap dibina, tetapi ia terbengkalai setakat itu sehingga hari ini. Ternyata kepada orang ramai bahawa seolah-olah projek ini tidak diberi keutamaan. Saya ingin memberikan gambaran yang akan membuktikan bahawa dengan tiadanya hospital kanak-kanak, aktiviti-aktiviti berhubungan dengan perkhidmatan kesihatan kepada kanak-kanak telah tidak dapat dipertingkatkan jika dibandingkan dengan perkhidmatan kesihatan lain yang ada di negara kita ini.

Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak Pesakit Dalam. Adalah benar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, semasa menjawab soalan saya mengenai hospital kanak-kanak, bahawa perkhidmatan kesihatan kepada kanak-kanak di negara kita ini adalah di antara yang baik di kalangan negara-negara yang membangun. Tetapi kita tidak mahu data-data berikut ini kekal, iaitu mengikut data 1982, kematian "pre-natal" ialah 23.3 dalam 1,000; kematian bayi ialah 19.1 dalam 1,000 dan kematian kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun ialah 1.71 dalam 1,000. Kalau kita bandingkan dengan data-data negara

yang maju di mana kematian "pre-natal" dan kematian bayi kurang daripada 10 dan kematian kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun ialah 0.5, maka tahulah kita bahawa kita jauh ketinggalan.

Mutu perkhidmatan kesihatan dalam masyarakat adalah memuaskan, tetapi kalau kita tumpukan perhatian kepada perkhidmatan di hospital-hospital kita dan kita akan dapati bahawa perkhidmatan tersebut perlu dipertingkatkan bagi kanak-kanak. Beberapa contoh menunjukkan bahawa keadaan kurang sempurna. Contohnya, kemasukan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah di Hospital Besar, Kuala Lumpur, iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun, 1985 dari 8,241 orang, yang dapat masuk ke wad hanya 4,328 orang selama 6 bulan itu. Seramai 800 orang kanak-kanak dimasukkan ke Wad Kanak-kanak dan yang selebihnya daripada 4,328 tadi dimasukkan ke wad-wad orang dewasa dan kebanyakan pesakit-pesakit kanak-kanak ini dirawat sepenuh masa oleh pakar-pakar yang tidak berpengalaman dalam bidang "pediatrics". Kalau dilihat keadaan dalam wad sangat menyedihkan, terdapat kesibukan disebabkan kemasukan kanak-kanak yang berlebihan di tiap-tiap wad dengan diiringi oleh ibu-ibu mereka. Setiap wad sepatutnya mengandungi tidak lebih daripada 32 orang pesakit. Ada data-data yang menunjukkan dalam satu bulan beberapa kali wad-wad mengandungi lebih dari 50 orang pesakit kanak-kanak dan ini bermakna antara 40 hingga 50 ibu yang bersama mereka.

Tidaklah hairan kalau kanak-kanak ini dijangkiti oleh penyakit-penyakit berjangkit dan memperolehinya padahnya, lebih-lebih lagi kalau mereka ini sedang mengidap penyakit leukemia, syndrome nephritic dan lain-lainnya di mana ketahanan mereka itu memang terganggu. Di Wad Neo-natal. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Leukemia dengan nephritic syndrome, tidak boleh berjangkit, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Ini mengikut apa yang diberitahu kepada saya oleh pakar pediatrics, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya kata mengikut apa yang saya diberitahu. Kalau saya silap, saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua lebih arif kerana Tuan Yang di-Pertua adalah pakar dalam bidang perubatan (*Ketawa*).

Jadi, bayi-bayi yang dimasukkan tanpa ibu mereka pula kerana tiada tempat untuk mereka dan ini bermakna penyusuan ibu yang sangat-sangat digalakkan oleh Kerajaan tidak dapat diimplementasikan dan bayi-bayi ini kesudahannya diberi susu botol. Perkhidmatan sampingan seperti memberi pengajaran kepada kanak-kanak dalam pelajaran mereka, mengajar anak-anak kecil bermain dan sebagainya tidak dapat dijalankan kerana tiada ruang yang sesuai, dan pemberian latihan kepada ibu-ibu untuk mengasuh anak-anak mereka dengan lebih sempurna lagi juga tidak dapat dijalankan sungguhpun pengajaran ini adalah penting untuk mereka.

Dari segi Perkhidmatan Profesional pula kepada kanak-kanak, doktor-doktor terpaksa merawat pesakit mereka dalam keadaan yang begitu sibuk sekali dan terpaksa mengeluarkan mereka dengan cepat untuk memberi tempat kanak-kanak yang lain. Bilik-bilik asingan untuk kanak-kanak yang memerlukannya juga tidak dapat disediakan, dan ini menyebabkan kanak-kanak ini dijangkiti berbagai penyakit daripada pesakit-pesakit lain.

Untuk rawatan intensif pesakit kanak-kanak terpaksa dihantar ke Unit Rawatan Intensif di mana hanya ada 10 katil sahaja untuk menampung

keseluruhan hospital. 7 hingga 8 katil ini dipenuhi oleh kanak-kanak kerana keperluan mereka yang lebih mendadak lagi jika dibandingkan dengan pesakit-pesakit dewasa.

Perkhidmatan khas seperti cardiology, paediatrics, haematology dan sebagainya—silapkah lagi, Tuan Yang di-Pertua—tidak akan dapat diperkembangkan di suasana sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul, betul.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Betul, terima kasih. . . .melainkan disediakan ruang-ruang yang sesuai dan ini diharap akan disediakan di hospital kanak-kanak nanti. Jika dibandingkan juga dengan perkhidmatan makmal, perkhidmatan yang diberi bolehlah diperbaiki lagi dari berbagai aspek. Cara-cara untuk menyesuaikan perkhidmatan ini dari segi keperluannya kepada kanak-kanak yang dititik-beratkan dan ini nescaya akan meninggikan lagi mutu perkhidmatan rawatan kepada kanak-kanak. Kualiti perkhidmatan makmal yang dikendalikan oleh pakar-pakar yang menumpukan perhatian kepada perkara masalah-masalah kanak-kanak tentu akan meningkat dengan tertubuhnya satu hospital yang befasingan untuk kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak perlulah cepat-cepat. Kita tidak menghadkan masa. Berapa lama masa Yang Berhormat hendak ambil, silalah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tak banyak lagi.

Dalam keadaan yang begitu mencabar di wad kanak-kanak pada masa ini, pengajar-pengajar di Jabatan Paediatrics terpaksa mengajar seramai

75 hingga 80 orang siswa-siswi tahun empat dan tahun enam setiap masa, hanya lebih kurang 120 orang kanak-kanak yang berada di wad untuk pengajaran, tetapi banyak daripada mereka ini tidak boleh digunakan untuk keperluan pengajaran. Oleh kerana kesesakan pesakit-pesakit ini pula yang sesuai digunakan untuk pengajaran terpaksa dikeluarkan secepat mungkin dan ini juga melemahkan taraf pengajaran yang boleh diberi kepada siswa-siswi tersebut. Pengajaran lain penjagaan kanak-kanak yang lebih baik, perkembangan kanak-kanak, therapy permainan dan lain-lain tidak dapat diberikan dengan sempurna disebabkan tiada ruang yang disediakan untuk pengajaran-pengajaran tersebut.

Kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak berada lebih kurang tiga, empat hari sahaja di wad dan terpaksa dikeluarkan secepat mungkin untuk memasukkan kanak-kanak lain. Perkara ini lebih meruncing lagi kalau difikirkan Jabatan Paediatric sedang menganjurkan program ijazah lanjutan paediatrics yang memakan masa selama empat tahun di mana pengawasan pesakit keseluruhannya adalah penting untuk menentukan pakar yang dikeluarkan daripada merancang program baru untuk meninggikan mutu perkhidmatan kepada kanak-kanak di negara ini.

Mengenai penyelidikan dalam suatu perkhidmatan itu kualiti yang diberi tidak akan dapat dipertingkatkan malah akan menurun jikalau tidak ada maklum balas yang akan memberikan data-data yang relevant ke atas perkhidmatan tersebut. Sungguhpun data asas menunjukkan kadar kematian telah menurun di antara kanak-kanak di negara ini, data-data lain dari penyelidikan-penyelidikan membuktikan bahawa banyak kanak-kanak di negara ini menghadapi

penyakit-penyakit kronik seperti malnutrition, penyakit-penyakit jangkitan dan lain-lain. Penyelidikan seperti ini perlu diteruskan bukan sahaja di kalangan masyarakat tetapi juga di antara kanak-kanak yang dirawat di hospital untuk dapat kita semua mengenal masalah yang kita hadapi. Dengan adanya suatu hospital khas untuk kanak-kanak ianya akan dapat menampung keperluan kanak-kanak, sistem rekod yang lebih memuaskan akan dapat diadakan, penyelidikan yang relevant akan diatur dan ini nescaya akan meninggikan lagi prestasi perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak keseluruhannya.

Untuk mendirikan negara yang stabil di antara negara-negara lain di kawasan Asia Tenggara ini, Kerajaan Malaysia telah mencadangkan negara kita ini mempunyai penduduk sebanyak 70 juta dalam masa 115 tahun. Sungguhpun ini telah menjadi polisi Kerajaan, namun program-program untuk memberi jagaan yang memuaskan kepada anak-anak yang akan dilahir belum lagi dibincangkan dengan mendalam. Perbincangan ini bukan sahaja perlu meliputi keperluan-keperluan asas seperti pengajaran, perumahan dan lain-lain tetapi juga kemudahan rawatan jika kesihatan kanak-kanak ini hendak dijaga dengan baik.

Kemudahan kesihatan yang kurang memuaskan akan melemahkan kekuatan jasmani dan rohani anak-anak kita dan ini akan juga melemahkan azam dan cita-cita murni mereka untuk mendirikan negara yang penuh bersemangat. Sebaliknya akan terdapat sebuah negara yang banyak penduduk di mana rakyatnya adalah lemah dan tiada azam yang tinggi sebagaimana yang terdapat dikebanyakan negara yang membangun dan kita tidak mahu anak-anak Malaysia berkeadaan demikian.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai penerapan nilai Islam. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana menaikkan cukai bagi minuman keras, rokok dan kasino. Saya menganggap ini adalah langkah-langkah yang mengarah kepada membantunya usaha penerapan nilai Islam. Bila bercakap mengenai nilai Islam, masyarakat telah menerima baik tindakan Kerajaan mengharamkan orang Islam berjudi di Genting.

Menggunakan asas yang sama saya menganggap pesawat-pesawat MAS adalah wilayah Malaysia dan Kerajaan boleh membuat peraturan supaya minuman keras tidak diberi atau dijual kepada penumpang-penumpang dalam pesawat MAS di mana juga ianya berada. Penumpang-penumpang Islam yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua. Ada pihak mengatakan bahawa minuman keras ini adalah tarikan kepada penumpang-penumpang. Saya tidak yakin alasan ini benar. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab dapat meneliti dan mengambil tindakan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengakhiri bahasan saya dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

6.16 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan Negara 1986 yang ternyata begitu sederhana, begitu praktikal dan jelas menunjukkan betapa bersungguhnya Kerajaan kita melaksanakan dasar berjimat cermat dan sudah tentu akan

meringankan beban negara kita di kala ekonomi negara sedang meleset iaitu di dalam usaha untuk memulihkannya kembali.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga usaha-usaha Kerajaan untuk membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan membasmi kemiskinan ketara sekali iaitu dengan memberikan peruntukan yang agak besar. Saya penuh yakin seluruh rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah menyambut baik Belanjawan 1986 ini iaitu dengan dada yang terbuka, dengan dada yang lega dan dengan hati yang puas.

Sudah sepatutnya semua pihak menerima Belanjawan ini serta memberikan sokongan yang sepenuhnya sama ada yang datang daripada penyokong-penyokong Kerajaan ataupun dari pihak yang membangkang kerana kalau kita ikuti dengan teliti ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ternyata tidak ada terdapat cadangan-cadangan yang boleh membebaskan rakyat sama ada golongan mewah, golongan sederhana dan lebih-lebih lagi kepada rakyat yang di dalam golongan berpendapatan rendah, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan yang telah berjalan dua, tiga hari ini, kita telah pun mendengar pendapat-pendapat daripada pihak Pembangkang iaitu mereka mencari-cari kelemahan setiap kali Belanjawan negara dibentangkan, dengan berbagai-bagai helah walaupun dengan alasan yang tak menasabah dan tidak bertanggungjawab. Ada yang menganggap Belanjawan 1986 sebagai Belanjawan pilihanraya dan ada pula yang sanggup menjadi nujum pak belalang iaitu dengan meramalkan Belanjawan yang akan datang sekiranya pilihanraya diadakan dalam tahun 1986, tunggulah rakyat, satu Belanjawan yang akan dibentangkan sudah tentu akan membebaskan

rakyat jelata. Jadi Belanjawan yang akan dibentangkan nanti pendapat nujum pak belalang tersebut akan membawa berbagai-bagai cadangan yang akan membebaskan rakyat. Jadi, saya rasa kalau hendak cari makan dengan menjadi nujum janganlah jadi nujum pak belalang kerana nujum pak belalang ini perangnya malas tetapi penuh dengan tipu dan temberang.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 ini telah pun saya tegaskan tadi menunjukkan betapa berhati-hatinya Kerajaan kita untuk membahagi-bahagikan perbelanjaan negara iaitu di dalam usaha berjimat cermat, memandangkan prestasi pertumbuhan ekonomi negara yang agak lembab iaitu ternyata dari saranan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menjangka bahawa kadar ekonomi negara hanya mencapai setakat 5.2% berbanding dengan tahun 1985 ini iaitu 7.6%.

Saya percaya semua rakyat berterima kasih kepada Kerajaan dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah menggariskan strategi Belanjawan Negara 1986 ini dengan usaha-usaha untuk memperkukuhkan dan juga usaha-usaha untuk memperbaiki imbangan pembayaran dan Belanjawan Negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan di sektor awam. Dan mempergiatkan usaha-usaha bagi sektor swasta. Walaupun keadaan ekonomi negara terus muram tetapi Kerajaan masih berjaya menambah peruntukan di dalam Belanjawan 1986 ini sebanyak \$1,621 juta ataupun 6% melebihi peruntukan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh berkenaan dengan tindakan pembekuan di dalam mengisi jawatan-jawatan kosong, seperti yang telah disebut dalam ucapan Belanjawan. Walaupun tindakan ini terpaksa dilakukan

kerana tidak ada kemampuan kita, tidak ada kemampuan Kerajaan, tetapi Kerajaan haruslah menimbang semula dengan lebih rasional memandangkan ketika ini begitu banyak terdapat pengangguran di kalangan belia, di kalangan beliawanis, termasuklah graduan-graduan yang baru tamat pengajian mereka sama ada daripada universiti-universiti dalam negeri ataupun luar negeri.

Begitu juga terdapat banyak penganggur-penganggur di kalangan beliawanis-beliawanis yang tamat pengajian sekolah menengah. Jadi, janganlah sampai akan menimbulkan rasa keciwa di kalangan mereka, dan juga rasa keciwa di kalangan ibu bapa-ibu bapa yang hidupnya miskin yang menaruh harapan mendapatkan sokongan hidup dari anak-anak mereka yang sudah berjaya di dalam pelajarannya.

Tindakan ini mungkin akan menjejaskan juga semangat pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut, menjejaskan semangat untuk belajar kepada mereka. Kerana semasa mereka menuntut, mereka juga mengikuti akan keadaan yang berlaku dalam negara, kesulitan-kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan kepada sahabat-sahabat mereka yang telah berjaya, sudah tentulah di hadapan mereka terbentang liku-liku hidup yang penuh dengan kegelapan. Maka ini sudah tentu akan menjejaskan semangat mereka untuk belajar. Ternyata masalah ini mula melanda begitu hebat sekali dalam negara kita. Terdapat banyak graduan-graduan yang sudah tamat pengajian mereka beberapa tahun terus menganggur sama ada di kawasan-kawasan bandar dan tidak juga ketinggalan di kawasan-kawasan luar bandar.

Kerajaan haruslah bertindak segera mengatasi masalah ini iaitu dengan cadangan yang telah dikemukakan

dalam Ucapan Belanjawan iaitu rancangan menswastakan beberapa jabatan-jabatan Kerajaan yang difikirkan sudah boleh dilaksanakan sekarang. Di dalam keadaan ini pula pihak Kerajaan haruslah berhati-hati dan harus pula campurtangan di dalam masalah pemilihan ke beberapa badan swasta mengisi jawatan-jawatan kosong yang dibuat pilihan oleh pihak swasta ini. Kerana dalam banyak rungutan-rungutan daripada pencari-pencari kerja ini ataupun penganggur-penganggur sama ada yang mempunyai ijazah ataupun yang tidak berijazah iaitu pihak-pihak tersebut, pihak-pihak yang memilih pekerjaan ini kurang memberikan peluang pekerjaan kepada permohonan-permohonan daripada penganggur-penganggur luar bandar terutamanya dari golongan bumiputera. Kalau keadaan ini dibiarkan akan berlakulah perbuatan diskriminasi yang kurang manis ataupun yang agak tidak memuaskan hati rakyat kita yang terdiri daripada bekas-bekas pelajar daripada luar bandar.

Jadi, Kerajaan juga haruslah menyediakan senarai penganggur-penganggur dan boleh dijadikan cadangan untuk dipilih oleh pihak-pihak swasta bagi mengisi jawatan-jawatan kosong yang diperlukan oleh mereka. Kita janganlah terus memberi kebebasan kerana ini akan menimbulkan diskriminasi di kalangan pencari-pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Menteri Kewangan untuk mengurangkan kakitangan Perkhidmatan Awam juga harus ditimbang dengan teliti dan dikaji dengan lebih halus, dengan cermat. Kita tidak mahu bilangan pengangguran dalam negara kita akan bertambah meningkat. Harus ada jalan yang lebih menasabah dilakukan bagi mengelakkan tindakan memberhentikan kakitangan-kakitangan tersebut.

Sebentar tadi kita telah mendengar satu cadangan daripada Yang Berhormat dari Padang Rengas iaitu di dalam membicarakan falsafah Belanjawan 1986 yang dikatakan satu pengorbanan iaitu pengorbanan Kerajaan dan tidak terkecuali pengorbanan rakyat, pengorbanan pegawai-pegawai Kerajaan, pengorbanan Wakil-wakil Rakyat, orang-orang politik dan seluruh rakyat negara. Jadi, saya menyokong apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Padang Rengas. Rakyat telah pun memaklumi ataupun telah mengetahui bahawa pengorbanan yang perlu setiap peringkat amatlah disanjung tinggi kalau ini dapat kita lakukan. Jadi, dengan cara apakah pengorbanan yang harus kita lakukan mengikut kemampuan masing-masing?

Di sini saya hanyalah memberi pandangan kalaulah boleh kita sama-sama menimbang. Setiap pengorbanan rakyat daripada peringkat atas hingga ke bawah dalam keadaan ekonomi negara yang meleset ini sudah tentulah pengorbanan tersebut amat besarnya kepada negara. Jadi, kalau Wakil-wakil Rakyat misalnya seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas sanggup membatalkan ataupun tidak lagi menuntut elaun perjalanan, elaun mesyuarat di peringkat daerah, peringkat negeri dan sebagainya, namun begitu masih lagi juga Wakil-wakil Rakyat tersebut termasuklah saya sendiri sanggup memberikan derma, memberikan sumbangan, memberikan sponsor kepada apa juga kegiatan yang terdapat di kawasan masing-masing.

Di pihak pegawai-pegawai Kerajaan, ini saya cuma setakat memberi pandangan, boleh melakukan pengorbanan tersebut iaitu semua rakyat mengetahui daripada luar bandar, dalam bandar bahawa pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan juga pengurusan badan-badan berkanun menerima elaun yang tinggi dan dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan elaun perjalanan, elaun harian, dan berbagai-bagai lagi kemudahan. Jadi, kalaulah difikirkan menasabah daripada memberhentikan pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan begitu banyak mengorbankan mereka, menyebabkan mereka menganggur, menyebabkan mereka tidak dapat hendak menanggung penghidupan keluarga, apa salah kita selamatkan mereka dan kita sanggup mengorbankan sedikit daripada pendapatan kita yang tinggi itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.